



**Empat ditahan cemar sungai,
Kerajaan Negeri syak sabotaj**

MUKA 3

**Sambut Deepavali,
tabah hadapi wabak**

MUKA 5

**Batal dana Jasa, tumpu
usaha tangani wabak**

MUKA 9

**Pengaruh India dalam
kehidupan Melayu**

MUKA 12-13 & 17

Enakmen LUAS cegah pencemaran air

Penjara mandatori, denda RM1 juta

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 mengenakan hukuman lebih berat, termasuk penjara mandatori, kepada pesalah yang mencemarkan sumber air selepas pindaan diperkenalkan.

Pindaan dilulus segera di Dewan Negeri Selangor pada 9 November setelah gangguan bekalan air makin kerap berlaku akibat pencemaran sungai yang memaksa loji rawatan air (LRA) dihentikan tugas.

Selain menambah peruntukan baharu penjara mandatori, pindaan tersebut yang dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menambah jumlah denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta.

Pindaan juga menetapkan pesalah kes pencemaran air perlu membayar kos kepada LUAS atas kerja-kerja pembersihan dan lembaga itu boleh memberi ganjaran kepada pemberi maklumat jenayah cemar air.

Peruntukan lain mengikut pindaan enakmen tersebut termasuklah:

- Mewujudkan jawatan timbalan pengarah LUAS
- Memberi kuasa kepada timbalan pengarah menjalankan fungsi pengarah jika pengarah tidak berupaya menjalankan tugas atau bercuti
- Menambah bilangan ahli jawatankuasa yang dibayar eluan. Pemberian itu bertujuan mendapatkan penglibatan menyeluruh pelbagai pihak
- Menambah baik prosedur arahan kepada mana-mana individu atau pihak berkuasa awam supaya mengambil langkah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air yang terjejas
- Memberi kuasa kepada LUAS untuk mengenakan caj lebihan pengambilan air. Langkah ini untuk mengawal penggunaan dan pembaziran air
- Memberi kuasa kepada pengarah atau pegawai polis berangkat sekurang-kurangnya inspektor untuk membuat sitaan tanpa waran terhadap harta benda pelaku
- Mahkamah boleh memerintahkan harta benda yang disita dilucut hak walau tiada pertuduhan. Tuntutan semula perlu dirujuk di mahkamah
- Tiada sesiapa berhak menuntut ganti rugi berkaitan sitaan harta benda



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan bantuan makanan sumbangan Team Selangor kepada 282 mangsa banjir di Kampung Batu 16, Hulu Langat pada 7 November 2020. Foto Raden Wazir

BERITA PEHUH

MUKA 6

Negeri kutip hasil RM1.99 bilion

SHAH ALAM - Di sebalik ketidakstabilan ekonomi akibat wabak Covid-19, Kerajaan Negeri berjaya mengutip hasil berjumlah RM1.99 bilion sehingga akhir Oktober.

Ketika menjelaskan prestasi kewangan negeri dalam sidang Dewan Negeri Selangor, Dato' Menteri Besar berkata kutipan itu merupakan 90 peratus daripada sasaran RM2.2 bilion tahun ini.

"Kemampuan mengekalkan prestasi kewangan disokong amalan perbelanjaan mengurus dan pembangunan secara berhemah bagi menstabilkan

aliran tunai negeri.

"Peruntukan belanja mengurus tahun ini RM1.2 bilion tetapi kita hanya belanjakan RM959 juta manakala hanya RM604.46 juta daripada RM1.13 bilion perbelanjaan pembangunan digunakan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 5 November.

Beliau berkata pendapatan negeri juga stabil berikutan hasil cukai tanah dan petak dioptimum melalui lanjutan tempoh bayaran, pelaksanaan Smartbox dan kempen membayar cukai dijatkan.

"Kita juga memberi insentif pembayaran premium tanah secara ansuran kepada pemegang notis 5A dan 7G dan melaksanaan Dasar Kelulusan 100 Hari bagi menggalakkan aktiviti ekonomi," katanya lagi.

Smartbox diwujudkan bagi memudahkan proses dokumen secara digital. Notis 5A dan 7G adalah sebahagian bayaran premium tanah.

Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM2.32 bilion dengan defisit RM123 juta, kira-kira RM10 juta lebih rendah berbanding belanjawan 2020.



PKPB disambung sebulan lagi

SHAH ALAM - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya disambung hingga 6 Disember, kata menteri kanan (keselamatan).

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub berkata perintah sama juga dikenakan ke seluruh Semenanjung kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan selama empat minggu bermula 9 November.

"Pelaksanaan tersebut membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia membuat saringan bersasar dan mengekang pergerakan," katanya pada 7 November.

Ismail Sabri berkata SOP bagi PKPB sama seperti yang diumumkan sebelum ini.

Belanja RM400 juta tangani Covid-19

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berbelanja RM400 juta bagi menangani penularan Covid-19 dan menyalurkan bantuan kepada penduduk negeri ini.

EXCO Kesihatan Dr Siti Mariah Mahmud berkata kos berkenaan meliputi pelaksanaan Saringan Komuniti di zon merah membabitkan RM2.96 juta.

"Kita turut sumbangkan pelitup muka kepada pelajar, jabatan pendidikan, pejabat pendidikan daerah, pusat khidmat masyarakat dan semua penjawat awam dengan kos RM5.8 juta.

"Kerajaan Negeri turut memberi sumbangan kit pembasmi kuman kepada 854 tasa berdaftar membabitkan perbelanjaan RM690,000," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 9 November.

Dr Siti Mariah berkata Selangor turut melaksanakan inisiatif yang tidak dijalankan negeri lain iaitu penjagaan anak petugas barisan hadapan.

Lebih 1,000 ekar tanah diceroboh

SHAH ALAM - Tanah seluas 1,055.27 ekar milik Kerajaan Negeri diceroboh untuk kegiatan pertanian, pembuangan sampah dan pembinaan struktur rumah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pencerobohan di Kuala Langat melibatkan 353 ekar, Klang (212.77 ekar) dan Kuala Selangor serta Petaling (100 ekar).

"Kegiatan sama juga dikesan di Hulu Langat (84 ekar), Gombak (80 ekar), Sepang (72 ekar) Hulu Selangor (50 ekar) dan Sabak Bernam (3.5 ekar)," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 November.

Amirudin berkata tindakan diambil mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara yang memperuntuk denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau menjelaskan penggunaan dron untuk memantau pencemaran sungai di Selangor digunakan bagi mengesan pencerobohan tanah berhampiran sungai.

Terima peruntukan dua projek besar

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri mengalokasikan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur dua projek besar di Selangor menerusi Belanjawan 2021.

Peruntukan tersebut bagi melaksanakan fasa dua Jambatan Ketiga Klang dan fasa tiga projek lingkaran Pulau Indah yang sudah lama dipohon, jelas Dato' Menteri Besar.

"Perkara ini dibincangkan sejak dua tahun lepas dengan kerajaan Persekutuan.

Saya berterima kasih kerana memasukkan (peruntukan) dengan nilai agak besar," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 7 November.

Putrajaya mengumumkan hampir RM3.8 bilion disalurkan bagi pembangunan infrastruktur di beberapa negeri termasuk dua projek di Selangor.

Kerajaan juga akan memperkasa Orang Asli di Hulu Selangor oleh EPIC Society dan melaksana inisiatif keusahawanan orang kelelahan upaya (OKU) yang dikendalikan Komuniti Belia Selangor (SAY).



Jambatan Ketiga Klang menyuraikan kesesakan lalu lintas di sekitar Bandar Klang, Jambatan Tengku Kelana dan Jambatan Kota

Peruntukan mengurus lebih 70 peratus

Belanjawan Putrajaya tidak prorakyat

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

HULU LANGAT - Peruntukan lebih 70 peratus untuk perbelanjaan mengurus dalam Belanjawan 2021 tidak bertepatan dengan aspirasi rakyat yang mahu melihat usaha memulihkan ekonomi.

Dato' Menteri Besar berkata pembentangan Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 6 November juga tidak memberi reaksi terhadap beberapa isu yang dibangkitkan rakyat.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan ia berbeza dengan Belanjawan Selangor 2021 yang menyediakan 47 peratus peruntukan untuk pembangunan.

"Sebaliknya pada peringkat persekutuan, mereka meletakkan hanya 21 peratus untuk tujuan tersebut, selebihnya bagi perbelanjaan mengurus.

"Kita melihat belanjawan persekutuan tidak menterjemah perkara berhubung pemulihran ekonomi," katanya pada 6 November.

Amirudin juga kesal tiada peruntukan khusus bagi sektor aeroangkasa di Selangor yang seharusnya diberi tumpuan kerana ia menjanjikan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Beliau berkata peruntukan itu penting bagi meningkatkan daya tahan industri yang ketika ini berdepan situasi sukar akibat penularan Covid-19.

"Kita memang memerlukan sokongan untuk sektor tersebut kerana melibatkan tenaga kerja yang ramai, malah menjadi kegiatan penting kepada negara amnya dan Selangor khususnya."

"Saya perlu lihat kembali apakah ada sokongan kepada sektor ini supaya mereka (penggiat industri) mampu bertahan

Kita melihat belanjawan persekutuan tidak menterjemah perkara berhubung pemulihran ekonomi

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

dan keluar daripada masalah kemelesetan akibat Covid-19," katanya.

Belanjawan persekutuan 2021 memperuntuk RM322.5 bilion atau 20.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Daripada jumlah itu, RM236.5 bilion (73.3 peratus) untuk perbelanjaan mengurus manakala RM69 bilion (21.4 peratus) bagi pembangunan manakala baki RM17 bilion untuk Kumpulan Wang Covid-19.

Guna rizab RM1 bilion bina prasarana

SHAH ALAM - Rizab Kerajaan Negeri lebih RM1 bilion digunakan untuk pembinaan prasarana bagi kemudahan dan keselesaan rakyat.

Dato' Menteri Besar berkata Loji Rawatan Air (LRA) Labuhan Dagang, LRA Semenyih 2 dan Jambatan Ketiga Klang antara projek yang dilaksanakan menggunakan rizab itu.

"Sebenarnya ia (rizab) tidak hilang

tapi tumpu kepada prasarana dan projek lain dari semasa ke semasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 5 November.

Beliau mengulas laporan media yang mendakwa Selangor "hilang" rizab lebih RM1 bilion selepas Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim melepaskan jawatan sebagai Dato' Menteri Besar pada 2014.

Jambatan Ketiga Klang bernilai RM199 juta sepanjang 2.5 kilometer dibina pada

Julai 2014 dan siap pada Jun 2017 bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Dinamakan Jambatan Raja Muda Nala, ia bermula dari persimpangan Sungai Udang dan berakhir di persimpangan Jalan Goh Huck Huat.

LRA Labuhan Dagang pula dibina pada Julai 2017 membabitkan kos RM425 juta bagi menangani masalah bekalan air.



Negeri syak ada unsur sabotaj

Empat suspek cemar air ditahan

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Polis menahan empat individu termasuk wanita di tiga lokasi berasingan berkaitan isu pencemaran bau di Sungai Selangor.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor berkata suspek berusia antara 33 hingga 43 tahun ditahan di Gombak, Damansara dan Kelana Jaya pada 10 dan 11 November.

SAC Datuk Fadzil Ahmat berkata siasatan mendapati wanita itu penama berdaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan penyewa

premis yang disyaki membuang sisa kimia ke lubang kumbahan.

"Dua suspek lain termasuk seorang warga Bangladesh pula didapati menjadikan premis itu sebagai tempat menyimpan bahan kimia," katanya dalam kenyataan 11 November.

Fadzil berkata mereka direman di Mahkamah Majistret Selayang bagi membantu siasatan lanjut kes yang disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Pada 10 November, Kerajaan Negeri mengesyaki wujud unsur sabotaj beriku-

tan pencemaran hingga menyebabkan bekalan air lebih 1.1 juta pemegang akaun terjejas.

Pencemaran itu mengakibatkan loji rawatan air Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 dihenti tugas hingga menjelaskan bekalan air di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Polis kemudian menjalankan siasatan berikutan aduan Lembaga Urus Air Selangor mengenai pencemaran di LRA Rantau Panjang.



EXCO Alam Sekitar, Hee Loy Sian meninjau loji kumbahan Indah Water Konsortium di Taman Velox, Rawang, lokasi disyaki berlaku pencemaran bau di Sungai Selangor pada 10 November

Premis disyaki punca pencemaran disita

SHAH ALAM – Sebuah premis yang disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Selangor hingga mengakibatkan bekalan air terganggu disita pada 10 November.

Mengikut Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), premis itu dipercayai membuang efluen secara tidak sah ke lurang kumbahan hingga mencemar loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) Taman Velox, Rawang.

"Sisa dari premis tersebut didapati menghasilkan bau yang sama dikesan di loji rawatan kumbahan dan loji rawatan air," kata kenyataan lembaga itu pada 11 November.

Premis berkenaan disita Majlis Perbandaran Selayang.

LUAS akan mengeluarkan Surat Arahan Perintah Perlindungan Air kepada premis berkenaan untuk menjalankan

kerja pemulihan segera.

IWK Taman Velox juga diarah menudup aliran dan melakukan pembersihan serta-merta di loji rawatan kumbahan mengikut Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999.

"Pemantauan akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pencemaran berlaku di Sungai Selangor," kata kenyataan itu lagi.

Negeri dapat pelaburan RM11 bilion

SHAH ALAM - Selangor memperoleh RM3.39 bilion nilai pelaburan bagi sektor perkilangan membabitkan 122 projek antara Januari hingga Jun lalu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sejumlah RM1.83 bilion melibatkan pelaburan tempatan manakala RM1.56 bilion pelaburan asing.

dan elektronik (RM638.65 juta) manakala minuman dan tembakau (RM9 juta).

"Jika melihat kepada data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) pada September lalu membabitkan semua sektor, Selangor mencatatkan pertumbuhan pelaburan lebih RM11 bilion.

"Tahun lepas kita mencatat RM47.8 bilion bagi semua sektor tetapi disebabkan wabak Covid-19, telah menyesakkan perindustrian di negara kita," katanya ketika sidang Dewan

Negeri Selangor pada 4 November.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri turut membantu pelabur menyelesaikan isu berbangkit menerusi mesyuarat penyelaras projek yang diadakan setiap bulan.

"Kerajaan Negeri yakin usaha penggalan pelaburan yang dilaksanakan mampu memberi keyakinan kepada pelabur untuk melabur dan membuat penambahan pelaburan sedia ada," katanya.

Beliau memaklumkan industri pembuatan makanan merekod jumlah tertinggi iaitu RM1.16 bilion, produk elektrik

RM195.5 juta untuk pendigitalan

SHAH ALAM - Pemerbadanan Menteri Besar dan Permodalan Negeri Selangor Berhad memperuntuk RM195.5 juta untuk melaksanakan program berkaitan pendigitalan tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata pecahan peruntukan ialah Dana Inovasi Selangor (RM100 juta), Selangor Kerja (RM50 juta), Data Internet Selangor (RM17.5 juta), Selangor Freelancers (RM10 juta), Tuisyen Rakyat (RM13 juta) dan Kursi Menteri Besar (RM5 juta).

"Semua inisiatif berkait rapat antara satu sama lain. Contohnya Data Internet Selangor seiring dengan Selangor Kerja dan Selangor Freelancers untuk membiasakan rakyat dengan aplikasi digital."

"Capaian internet membolehkan program tuisyen atau pembelajaran dibuat dengan lebih mudah dan berkesan," kata Dato'Seri Amirudin Shari ketika sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 November.

Naik taraf WiFi guna teknologi gentian

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menaik taraf perkhidmatan WiFi Smart Selangor menggunakan teknologi gentian sejak Julai lalu.

EXCO infrastruktur dan kemudahan awam berkata penjajaran semula membolehkan penduduk menggunakan internet pada kelajuan 100Mbps.

"Jika dulu kita guna Streamyx tetapi setelah penjajaran semula, kita ubah kepada teknologi fiber. Tahun ini, kita sasar untuk wujudkan 1,100 pusat akses dan ia akan ditingkatkan kepada 1,500 pada tahun hadapan."

"Setiap satu daripada pusat akses boleh dicapai 30 pengguna dalam satu-satu masa. Lebih banyak pusat akses diwujudkan, lebih ramai boleh menggunakan internet percuma," kata Ir Izham Hashim pada 5 November.

Latih usahawan kecil ilmu digital

SHAH ALAM - Selangor membangunkan pangkalan data berpusat bagi melatih 200,000 pengusaha kecil dan sederhana (PKS) mengenai pendigitalan.

EXCO pembangunan usahawan berkata platform perniagaan kecil dan sederhana kendalian Smart Selangor Delivery Unit membantu meluaskan pemasaran produk melalui media sosial.

Rodziah Ismail berkata seramai 1,000 peniaga didaftar dalam tempoh dua bulan pertama selepas program tersebut diperkenal pada Julai lalu.

"Usaha ini akan diteruskan sehingga 2025 supaya sasaran Selangor untuk menyumbang nilai ekonomi lebih besar kepada negara akan tercapai," katanya dalam kenyataan.

Beliau turut menggalakkan PKS yang berdaftar dan beroperasi di negeri ini untuk menyertai platform tersebut melalui portal www.smartselangor.com.my/smartsme



Susun semula bayaran Hijrah

SHAH ALAM - Peniaga yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) boleh menyusun semula jadual bayaran pinjaman Yayasan Hijrah Selangor.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata tempoh itu boleh dilanjutkan sehingga lima tahun berikutnya kerajaan Negeri tidak bercadang melaksanakan semula moratorium.

"Setakat ini, kita tiada rancangan melaksanakan semula penangguhan bayaran seperti Mac hingga Jun lalu tetapi kita wujudkan penjadualan semula untuk peniaga terkesan."

"Langkah ini dilaksana kepada peniaga yang benar-benar terjejas kerana ketika PKPB ada juga peniaga mendapat keuntungan berganda," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 November.

Rodziah berkata pemberian moratorium kepada semua peminjam membabitkan kesan kewangan RM70 juta. Daripada jumlah itu, RM3.5 juta pinjaman tidak dapat dikutip.



SELANGOR KINI

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial MSSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

KETUA PENGARANG Fazallah Pit

PENGARANG KANAN Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com, Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com, Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com Nadiah Zamlus sitinadiyah@mediaselangor.com Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com Norrasiyah Arshad norrasiyah@mediaselangor.com Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapkie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

Nadrah Azlan nadrah@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Ambil masa tiga hari proses bantuan

Lebih RM2 juta bantu mangsa bencana

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Sebanyak RM2.03 juta disalur kepada mangsa bencana di seluruh negeri sepanjang tahun ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan tertinggi berjumlah RM1.68 juta membabitkan mangsa banjir di Hulu Selangor, Kuala Selangor, Klang, Petaling, Gombak, Sepang

dan Hulu Langat.

Beliau berkata dana bencana ribut pulu sebanyak RM230,107, banjir kilat (RM98,750), kebakaran (RM23,703) dan tanah runtuh (RM500).

"Kerajaan Negeri menerusi Unit Pengurusan Bencana turut mengambil beberapa langkah bagi memastikan bantuan kewangan sampai kepada mangsa dengan segera.

"Ia termasuk mengurangkan birokrasi

si permohonan iaitu mangsa hanya perlu bawa kad pengenalan, laporan polis dan laporan bergambar dengan pengesahan penghulu atau ketua kampung," katanya pada 5 November.

Amirudin menjelaskan permohonan dan penyerahan bantuan kepada mangsa mengambil masa tiga hari, bergantung kepada skala bencana dan bilangan keluarga mangsa yang terlibat.

Mohon RM36 juta baiki benteng pantai

SHAH ALAM - Sejumlah RM36 juta dipohn dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk membaiki benteng pesisir negeri, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata kajian keberkesaan benteng mendapati kebanyakan struktur yang dibina antara 15 hingga 20 tahun lalu tidak mampu menahan perubahan aras laut.

"Selangor mempunyai benteng sepanjang 300 kilometer dan keutamaan diberi untuk mengukuhkan benteng pesisir pantai Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Sepang.

"Kita harap permohonan diluluskan tahun depan bagi memastikan benteng mampu menahan air laut berpuluhan-puluhan tahun akan datang," katanya ketika sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 November.

Ir Izham berkata Kerajaan Negeri juga bercadang untuk membina benteng menggunakan batu tembok bagi menggantikan tanah seperti sebelum ini.

"Selain itu, Jabatan Pengairan dan

Saliran negeri dengan kerjasama Unit Pengurusan Bencana Negeri sentiasa bersedia menghadapi fenomena air pasang termasuk rondaan kerap di kawasan berisiko," katanya.

Beliau menjelaskan kerajaan persekutuan juga ada menyalur RM12 juta untuk menaik taraf benteng Kampung Tok Muda, Kampung Sungai Serdang, Kampung Tok Adam dan Kampung Sungai Janggut di Klang.



Amirudin mendengar taklimat jurutera daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Ir SV Kalaiselvam di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat pada 4 November

Bina tebatan 100 tahun elak banjir

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri merangka pelan Projek Tebatan Banjir bagi mengatasi masalah banjir untuk jangka panjang sehingga 100 tahun.

Dato' Menteri Besar berkata usaha itu termasuk pembesaran Sungai Langat untuk menampung kapasiti air bagi mengelak banjir berulang.

"Dalam sidang dewan negeri,

kita nyatakan selepas ini perancangan kita bukan lagi 50 tahun tetapi akan dipanjangkan ke 100 tahun.

"Maknanya dalam tempoh 100 tahun kita mahu mengelakkan banjir (dan) projek ini mampu tam-pung kapasiti air selama tempoh itu," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, beliau meninjau mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Ke-

bangsaan Sungai Serai pada 4 November.

Beliau berkata banjir kilat sekitar Hulu Langat berpunca dari pada hujan pada kadar 164 milimeter, melebihi kapasiti Sungai Langat.

Katanya, limpahan air dari Empangan Langat juga mengakibatkan beberapa kawasan sepanjang Sungai Langat ditenggelami air.

Sambut Deepavali, tabah hadapi wabak

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengajak masyarakat India mengambil pelbagai peluang dalam Belanjawan Selangor 2021 bagi meningkatkan daya ketahanan hidup melawan wabak Covid-19.

Justeru, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan khusus juga disalur melalui Program Pembinaan Usahawan India yang melibatkan latihan dan kursus kemahiran pembuatan.

Melalui perutusan Deepavali, beliau berkata jumlah ketua Komuniti India juga ditambah, daripada 48 kepada 62 orang yang turut menyediakan eluan bulanan dan peruntukan program.

"Saya mengajak masyarakat India mengambil peluang-peluang ini dan akan berharap usaha Kerajaan Negeri dapat memberi peluang pekerjaan baharu sekali gus meningkatkan daya tahan mereka sehingga kita memasuki fasa pasca-Covid-19," katanya.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada seluruh pengikut Hindu dan berharap perayaan berkenaan mengeratkan hubungan an-

tara keluarga.

Amirudin yakin perayaan itu tetap disambut meriah dengan cara tersendiri sekalipun meraikannya dalam suasana norma baharu, tanpa berkunjung ke rumah ahli keluarga dan rakan taulan.

"Kalau dahulunya saya berkesempatan melawat rumah kawan dan kenalan di kawasan Sungai Tua,

kini ia diganti dengan ucapan melalui WhatsApp dan video ataupun tulisan seperti ini," katanya.

Namun, beliau menganggap perayaan Deepavali atau Diwali tetap penting untuk disambut pada 2020, tahun yang unik berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat wabak Covid-19.



Penuhi keperluan penduduk Lembah Klang

LRA Langat 2 siap hujung 2023

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Keseluruhan projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dijadual siap sepenuhnya pada 31 Disember 2023 membabitkan kos RM2.38 bilion.

EXCO alam sekitar dan teknologi hijau berkata projek itu dibangunkan Pengurusan Aset Air Berhad termasuk pembinaan kolam perkhidmatan dan sistem agihan bekalan air.

Hee Loy Sian berkata loji berkapasiti 1,130 juta liter sehari (JLH) mula beroperasi pada 21 Disember 2019 dengan kapasiti 565 JLH bagi Stream B.

"Stream A yang berkapasiti 565 JLH pula selesai pentauliahan dan diserahkan kepada Pengurusan Air Selangor Berhad pada 30 Oktober lalu.

"Bagaimanapun, kerana jaringan paip agihan air bersih belum siap, kapasiti penuh LRA tidak dapat digunakan

sepenuhnya dan hanya mampu membekalkan 430 JLH kepada pengguna," katanya pada 6 November.

Loy Sian menambah air bersih dari LRA tersebut dibekalkan ke Hulu Langat, Petaling dan Kuala Lumpur.

LRA Langat 2 dibina pada 2014 bagi memenuhi permintaan tinggi penduduk Lembah Klang berikutan pertumbuhan pesat sekali gus mengelak krisis air.

Banyak kilang berlesen cemar sungai

SHAH ALAM - Kebanyakan pencemaran sungai negeri ini berpunca daripada kilang berlesen yang gagal mematuhi tata-cara operasi piawai (SOP).

EXCO alam sekitar berkata kegagalan mematuhi arahan Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan menyebabkan pemilik kilang diarah mengosongkan tanah.

"Ramai mempunyai tanggapan salah insiden pencemaran disebabkan kilang tidak berlesen. Sebenarnya ia berpunca daripada kilang berlesen yang gagal patuh SOP.

"Dalam kes begini, tindakan tegas diam-

bil termasuk mengosongkan tanah," kata Hee Loy Sian pada sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 November.

Sementara itu, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata Kerajaan Negeri tidak berkompromi dengan kilang haram yang mendatangkan masalah pencemaran.

Katanya, kilang sedemikian juga tidak dibenarkan menyertai Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Selangor.

"Kita menutup hampir 200 kilang plastik haram dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Kilang itu telah disita,

ditutup, dipotong bekalan air dan elektrik," katanya pada sesi penggulungan pada hari sama.

Beliau menambah sebanyak 5,589 kilang tanpa kebenaran dikesan beroperasi seluruh negeri, 869 daripadanya berada berhampiran sungai.

"Halau semua kilang, roboh semua kilang, tutup cerita. Itu bukan caranya. Sebab ia melibatkan masalah sosial seperti periuk nasi ribuan isi rumah."

"Justeru, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan berhati-hati dan peka semasa mengambil tindakan," katanya.

Empat didakwa rosakkan sungai

KUALA LUMPUR - Empat pengarah syarikat sebuah kilang memproses minyak kelapa sawit terpakai dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Selayang pada 9 November atas pertuduhan melepaskan bahan buangan dari premis itu ke dalam Sungai Kundang, Rawang tanpa lesen.

Ong Seng Khek, 71, Low Sze Wai, 66, Siow Lee Chen, 66, dan Ong Chee Ming, 34, masing-masing mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Syafeera Mohd Said.

Ketiga-tiga lelaki dan seorang wanita itu didakwa dengan niat bersama melepaskan bahan buangan daripada premis Syarikat United Fineoleo Sdn Bhd ke dalam parit yang mengalir ke Sungai Kundang, Rawang tanpa lesen di premis syarikat itu pada 22 Oktober.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin yang berlainan berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan serta melaporkan di balai polis berdekatan pada setiap bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 7 Disember untuk sebutan semula kes. - BERNAMA

Nanoteknologi atasi isu bau air mentah

SHAH ALAM - Sistem nanoteknologi, Aquaritin digunakan bagi menyelesaikan isu pencemaran bau sumber air mentah di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata teknologi itu melepaskan beberapa bahan khas ke kawasan tercemar untuk bertindak balas menguraikan bau busuk sekali gus menghilangkan pencemaran.

"Pengalaman setahun dua ini, pencemaran paling lama 48 jam atau dua hari. Jadi, selepas bertindak balas dengan ozon, oksigen, faktor persekitaran dan bau itu mengurai sendiri," katanya dalam temu bual bersama Astro Awani pada 3 November.

Beliau menjelaskan masalah pada 2009, 2010, 2011 adalah Loji Rawatan Air (LRA) beroperasi lebih kapasiti hingga kerosakan berlaku manakala kemarau dan kekurangan air mentah berlaku pada 2012 dan 2013.

"Sekarang air mentah kita dapat kawal guna Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (Horas) tapi isu pencemaran berulang. Jadi, ia atasi masalah ini," katanya.

Dalam Belanjawan Selangor 2021, Kerajaan Negeri memperuntuk RM200 juta bagi membendung masalah pencemaran air melalui pembinaan empat projek yang dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.



Masih kaji pewartaan hutan simpan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri masih mengkaji cadangan pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) untuk pembangunan.

EXCO Alam Sekitar Hee Sian berkata keputusan itu memerlukan kajian menyeluruh melibatkan kesan terhadap alam sekitar, ekonomi dan sosial.

"Proses pemansuhan atau pewartaan keluar hutan simpan perlu melalui proses ketat. Kita kena perhalusi semua perkara termasuk kumpul pandangan ramai."

"Justeru, proses ini masih pada peringkat Laporan Penyiasatan Awam dan sehingga kini tiada keputusan dibuat," katanya pada persidangan Dewan Negeri Selangor pada 4 November.

Pada 20 Februari, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kira-kira 40 peratus HSKLU rosak disebabkan kebakaran dan pencerobohan mendorong Kerajaan Negeri mencadangkan dua lokasi hutan ganti.

Selain itu, Loy Sian berkata Jabatan Perhilitan Selangor menemui spesies haiwan terancam di HSKLU pada Mac lalu.

Antaranya kelawar, musang jebat (Viverra zibetha) dan ungka tangan putih, lotong cengkong, beruk (Macaca nemestrina) dan kera (Macaca fascicularis).

Banjir di Hulu Langat

282 mangsa terima bantuan makanan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

HULU LANGAT - Seramai 282 mangsa banjir di Kampung Batu 16 di sini menerima sumbangan makanan daripada sukarelawan Team Selangor.

Dato' Menteri Besar berkata bantuan beras, mi segera, sardin dan biskut selain pelitup muka serta cecair pembasmi kuman bertujuan meringankan beban penduduk.

"Agihan bantuan oleh Team Selangor dan dibantu Penggerak Belia Tempatan dibuat berperingkat. Insya-Allah dalam masa dua atau tiga hari lagi segala proses kepada semua penduduk dijangka selesai.

"Kita juga sedang fikir untuk salurkan bantuan sama di tempat lain yang terjejas," kata Dato' Seri Amirudin Shari selepas menyampaikan sumbangan pada 7 November.

Terdahulu, beliau mengunjungi Kompleks Air Panas Majlis Pengurusan Komuni-



Amirudin menyerahkan sumbangan kepada mangsa bencana ketika lawatan pascabanjir di Dewan Batu 16, Hulu Langat pada 7 November

ti Kampung Batu 16 bagi meninjau kerja pembersihan yang dijalankan anggota tentera.

Pada 4 November lalu, lebih 400 rumah membabitkan 10 kampung di Hulu Langat 'lumpuh' akibat banjir susulan hujan lebat hampir lima jam.

Kawasan terlibat ialah Kampung Batu 16, Kampung Sungai Serai, Kampung Kuala Perdik, Kampung Batu 14, Kampung Batu 18, Kampung Batu 20 Sungai Lui, Kampung Batu 17, Kampung Dusun Nanding, Kampung Batu 13 dan Kampung Lubuk Kelubi.

**YAYASAN
SELANGOR**

TAWARAN BIASISWA

*Tertakluk Terma & Syarat



PENGAMBILAN MURID TINGKATAN 1

Rancangan Khas Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia


Yayasan Selangor



Sila hubungi

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Yayasan Selangor
Tingkat 17, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Persiaran Barat
46000, Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03-7669 1218/1158/
1117/1150/1141
Faks : 03-7954 1790/1862
Email : hep@yselangor.com



Karnival kerjaya Subang Jaya

100 organisasi, IKS tawar peluang kerja

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Pejabat Dewan Undangan Negeri Subang Jaya akan menganjurkan karnival kerjaya membabitkan penyertaan lebih 100 syarikat kecil dan sederhana.

Program dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berlangsung melalui dua kaedah iaitu secara maya antara 19 hingga 21 November dan fizikal pada 28 November di tingkat tiga pusat beli-belah Da Men USJ.

Syarikat terlibat menawarkan peluang pekerjaan untuk golongan pendapatan rendah, pendapatan sederhana, pekerja yang diberhenti, graduan baharu dan orang kelainan upaya.

Webinar akan disiarkan secara langsung selama tiga hari yang memaparkan jawatan kosong selain tip kerjaya dan taklimat lengkap Penjana Kerjaya melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara yang dilak-

sanakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Selain itu, pencari kerja turut berpeluang berinteraksi dengan syarikat dan organisasi berkaitan menerusi aplikasi kotak sembang (chat box).

Lebih menarik, majikan terlibat layak menerima subsidi gaji enam bulan untuk setiap pekerja baharu, pembiayaan penuh Perkeso bagi menghantar kakitangan menghadiri kursus dan menerima eluan latihan RM30 sehari.

Bagi pekerja baharu pula, mereka akan diberi baucar membeli-belah percuma daripada Da Men USJ, latihan kemahiran BG Capital Holdings tanpa sebarang bayaran selain diberi sijil kemahiran.

Mereka yang berminat boleh mendaftar di <https://forms.gle/Qhcg19G3XTyjinqt7> (majikan) dan <https://forms.gle/z3v1w8MeTiLSp6Ve7> (calon pekerja) sebelum 15 November.

Lebih 9,000 individu menganggur

SHAH ALAM, - Seramai 9,423 individu di negeri ini diberhentikan kerja antara 1 Januari hingga 30 September lalu, kata EXCO pembangunan modal insan.

Mohd Khairuddin Othman berkata laporan Jabatan Tenaga Kerja Selangor menunjukkan 8,165 daripadanya pekerja tempatan manakala 1,258 lagi pekerja asing.

Katanya, kebanyakannya mereka dari sektor pembuatan, pembinaan, borong dan peruncitan, profesional dan teknikal, pengiranian, makanan serta pengangkutan.

Berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan Covid-19 berlanjut hingga suku kedua 2020, berlaku

pengurangan bilangan penduduk bekerja dalam tempoh tersebut.

"Bilangan penganggur pula naik kepada 161,300 orang pada kadar 4.6 peratus," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 November.

Mohd Khairuddin berkata seramai 47,700 penganggur berusia antara 15 hingga 24 tahun, diikuti usia 25 hingga 34 tahun (35,600 orang), 35 hingga 44 tahun (11,200 orang) dan 45 tahun ke atas (8,900 orang).

"Penganggur di bandar seramai 98,700 orang, manakala luar bandar berjumlah 4,700," katanya merujuk dapatan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tingkat kecekapan urus bekalan makanan

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) memetik perjanjian persefahaman (MoU) secara maya pada 5 November.

Dato' Menteri Besar berkata kerjasama itu bagi menambah kecekapan pengurusan bekalan dan rantaian pemasaran agro-makanan bagi menjamin bekalan.

"Kerajaan Negeri menyambut baik kesediaan Fama untuk bersama merencana hala tuju strategik isu jaminan bekalan makanan Selangor."

"PKPS, anak syarikat Kerajaan Negeri yang

menumpukan sektor pertanian adalah rakan usahasama terbaik bagi merealisasikan hasrat perkongsian pintar ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

MoU itu ditandatangani EXCO Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Ir Izham Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif PKPS Dato' Abdul Ghariff Ramon dan Ketua Pengarah Fama Dato' Zainal Abidin Yang Razali.

Amirudin berkata pengetahuan teknikal Fama dalam mengendalikan kemudahan penyimpanan makanan atau pusat operasi menjadi teras kepada perkongsian strategik itu.



Dewan kongres belia perkasa anak muda

SHAH ALAM - Dewan Kongres Belia Selangor yang dianggotai 56 individu akan ditubuh awal tahun depan, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman berkata 10 daripada mereka dipilih sebagai EXCO jawatankuasa eksekutif peringkat negeri yang berfungsi mengetengahkan isu semasa.

"Semua 56 anggota kongres dipilih dalam kalangan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) seluruh negeri berdasarkan kriteria tertentu antaranya aktif dan ada sifat kepimpinan tinggi."

"Resolusi kongres dibawa kepada saya se-laku EXCO dan bakal diangkat ke sidang Dewan Negeri Selangor bagi membolehkan isu dan cadangan dikemuka untuk diteliti wakil rakyat," katanya pada 7 November.

Beliau berkata Kerajaan Negeri sentiasa mendengar suara anak muda dalam setiap proses keputusan semua peringkat.

"Dewan kongres merupakan kesinambungan kepada penubuhan PeBT selaras hasrat Kerajaan Selangor mengerakkan program pembangunan generasi muda," katanya.

Pada 3 Oktober, Selangor negeri pertama menganjur sidang DNS maya khusus untuk anak muda termasuk pelajar antara 15 hingga 35 tahun.



**Eco BUSINESS PARK V
KLANG VALLEY**

BUILT FOR VISIONARIES

Kilang Servis

Saiz Tanah: 26' x 80' | Saiz Binaan: 3,023 k.p.s



Gambaran Artis Sahaja

Ruang Perniagaan Sempurna Untuk Semua

Gabungkan kesemuanya keperluan pengilangan dan pemasaran produk anda di dalam sebuah kilang inovatif. Dengan pelan lantai yang fleksibel, pembahagian ruang untuk kesemuanya proses perniagaan boleh dilakukan mengikut citarasa anda yang tersendiri.

Serlahkan produk anda di ruang luas yang tersedia di dalam bangunan berakses bentuk moden ini. Nikmati kesemuanya kelebihan ini dengan mempunyai sebuah Kilang Servis di Eco Business Park V.



Konsep Ruang Fleksi



Ketinggian siling 8 Meter



Siap dalam 2021

PARAGON PINNACLE SDN BHD (1098122-T)
EcoWorld Gallery @ Eco Business Park V
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahari,
Eco Grandeur, 42300
Bandar Puncak Alam, Selangor.
Ecobusinesspark5@ecoworld.my

Nikmati perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari
Isnin – Jumaat 9pg - 6ptg
Sabtu/Ahad dan Cuti Awam 10pg - 6 pg

+603 3270 2525
www.ecoworld.my

Pendaftaran berasmi:
ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND
KWSP EPP

Kesemua render dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran aris sahaja. Pihak Pemaju berhak untuk mengubahsuai apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disampaikan seperti yang telah diarahkan atau dipersetujui aklik dan atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelan, susun atur, informasi dan spesifikasi total bukti pada sebarang perubahan dan tidak boleh diambil kira sebagai status tawaran atau sebahagian dari kontak. Pihak Pemaju berhak untuk mengubahsuai kesemua maklumat di dalam ini tanpa pemberitahuan. Bilangan kesemua lingkah telah diambil apabila mengoleksikan maklumat ini. Pihak Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengelakkan sebarang kerugian mengenai susun atur, informasi dan spesifikasi, sila nujuk kepada Perjanjian Jual Beli.



Hujan berterusan punca tanah runtuhan

KUALA LUMPUR - Hujan antara faktor dominan di kawasan iklim bertropika lembap mendorong berlakunya kejadian tanah runtuhan di kawasan lereng dan cerun tinggi di negara ini.

"Situasi ini akan menyebabkan struktur tanah lemah, mencetus pergerakan sehingga menyebabkan kejadian runtuhan tanah seperti yang berlaku di Sabah dan Perak... kita lihat tragedi ini berlaku akibat hujan lebat berterusan pada cerun berisiko tinggi," kata Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia Prof Emeritus Ibrahim Komoo.

Hujan lebat di beberapa negeri sejak 10 November lalu menyebabkan kejadian tanah runtuhan melibatkan sebuah resort peranginan di Tambun, Perak mengorbankan dua penghuni tertimbuk, manakala di Kimanis, Sabah dua rumah musnah tanpa kemalangan jiwa. – BERNAMA

PKPB singkat jika jangkitan rata

PUTRAJAYA - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di semua negeri di Semenanjung kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang boleh dipendekkan daripada empat kepada dua minggu jika lengkung jangkitan Covid-19 berjaya diratakan lebih awal.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata langkah mengehadkan pergerakan dari satu zon ke zon lain, daerah atau negeri adalah tindakan terbaik untuk membendung penularan virus, sekali gus memutuskan rantaian jangkitan.

"Selagi ada pergerakan, berlaku pendedahan dan risiko kepada jangkitan. Tidak akan kembali kepada keadaan asal, sebab ini adalah norma baharu kerana virus itu sudah ada dalam komuniti."

"Kita perlu hidup dengan virus dan kita perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dengan amalan dan pencegahan jangkitan untuk terus hidup," katanya pada 9 November. – BERNAMA

Caruman sembilan peratus mulai 2021

SHAH ALAM - Kadar caruman minimum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikurangkan daripada 11 kepada sembilan peratus mulai Januari tahun depan.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafarul Tengku Abdul Aziz berkata langkah itu bagi meningkatkan pendapatan boleh guna dalam tempoh 12 bulan.

"Ini akan memanfaatkan pencarum KWSP dengan nilai inisiatif sehingga RM9.3 bilion," katanya ketika pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November.

Kadar caruman berkanan syer pekerja beberapa kali diturunkan sebelum ini.

Pakej rangsangan ekonomi 2020 yang dibentang pada 5 Mac mengumumkan kadar tersebut diturunkan daripada 11 kepada tujuh peratus berkuat kuasa April.

Deepavali: Tidak boleh rentas lokasi PKPB

KUALA LUMPUR - Tiada pergerakan rentas mukim, daerah atau negeri dibenarkan bagi mereka yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) untuk tujuan balik kampung bersempena Deepavali.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata itu antara yang dipersetujui Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai tatacara operasi piawai (SOP) sambutan Deepavali pada 14 November.

Sidang khas itu juga bersetuju penga-

nut Hindu di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan PKPB dibenarkan mengikuti upacara keagamaan pada hari pertama sambutan dengan SOP yang ketat, katanya.

"Bagaimanapun, aktiviti sembahyang di rumah ibadat, aktiviti ziarah dan perniagaan adalah tidak dibenarkan dalam kawasan PKPD," katanya pada 5 November.

Menurut Ismail Sabri, kuil hanya dibuka dari 7 pagi hingga 12 tengah hari dengan upacara disertai tidak lebih 30 orang pada satu-satu masa, bergantung pada keluasan premis.

"Sesi sembahyang itu perlu dibaha-

gikan kepada lima sesi (30 minit setiap sesi) dengan diselangi operasi sanitasi selama 30 minit. Manisan juga perlu diagihkan secara bungkus kepada pengikut dan mereka perlu bersurai selepas selesai upacara sembahyang," katanya.

Mengenai sambutan di rumah, Ismail Sabri berkata hanya maksimum 20 orang terdiri daripada keluarga terdekat dibenarkan bagi kediaman bertanah semestinya kediaman strata pula tidak boleh melebihi 10 orang bagi keluasan kurang 1,500 kaki persegi (kps) dan maksimum 15 orang untuk premis berkeluasan 2,500 kps. – BERNAMA

Sekolah, kolej vokasional tutup sehingga 17 Disember

Sesi pembelajaran diteruskan di rumah

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Semua sekolah dan kolej vokasional ditutup bermula 9 November sehingga 17 Disember bagi negeri Kumpulan A dan 18 Disember bagi negeri Kumpulan B.

Menteri pendidikan berkata pentadbir sekolah perlu memastikan guru dan murid melaksanakan pengajaran serta pembelajaran di rumah sepanjang tempoh itu manakala guru kekal berada di

Pentadbir sekolah perlu memastikan guru serta murid melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah di sepanjang tempoh itu manakala guru perlu kekal berada di stesen tempat bertugas

DR RADZI JIDIN
Menteri Pendidikan

stesen tempat bertugas.

"Bagi murid yang tinggal di asrama pula, ibu bapa atau penjaga perlu mengambil mereka untuk pulang ke rumah. Walau bagaimanapun, murid boleh tetras kekal berada di asrama sementara menunggu untuk diambil oleh ibu bapa atau penjaga.

"Di sepanjang tempoh tersebut, murid akan berada di bawah pengawasan warden asrama. Keperluan makan dan minum murid sepanjang tempoh tersebut akan disediakan oleh pihak sekolah," kata Dr Radzi Jidin pada 8 November lalu.

Beliau berkata murid sekolah rendah memulakan sesi persekolahan secara bersemuka bermula 20 Januari 2021.

"Bagi sekolah menengah pula, murid Tingkatan 1, 4, 5 dan 6 serta semua murid kolej vokasional akan memulakan persekolahan secara bersemuka pada 20 Januari 2021," katanya.

Dr Radzi berkata murid Tingkatan 2 dan 3 memulakan sesi persekolahan pada 20 Januari 2021 tetapi secara pem-

belajaran di rumah mengikut kesesuaian guru dan murid.

"Mereka akan kembali ke sekolah untuk sesi pembelajaran secara bersemuka pada 8 Mac 2021," katanya.

Negeri Kumpulan A

- Johor
- Kedah
- Kelantan
- Terengganu

Negeri Kumpulan B

- Melaka
- Negeri Sembilan
- Perak
- Selangor
- Pulau Pinang
- Pahang
- Perlis
- Sabah
- Sarawak
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Labuan
- Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh peperiksaan awam ditunda

SHAH ALAM - Tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Peperiksaan Sijil Vokasional Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia ditunda kepada 22 Februari depan.

Menteri Pendidikan Dr Radzi Jidin berkata Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pula dianjak kepada 8 Mac 2021.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan untuk menyambung persekolahan secara bersemuka mulai 20 Januari 2021 bagi

membantu calon peperiksaan membuat persediaan.

"KPM berharap ruang yang ada ini akan dapat memberi manfaat kepada calon yang terkesan dengan penutupan sekolah," katanya pada 8 November.

Beliau berkata ketetapan tersebut terpakai kepada sekolah swasta dan institusi pendidikan berdaftar dengan KPM manakala yang tidak berdaftar turut disaran mengikuti ketetapan itu.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan Pentaksiran Kemasukan Sekolah

Khusus bagi tingkatan satu dan empat ditangguh ke tarikh yang belum ditetapkan.

Dr Mohd Radzi menambah pelajar matrikulasi KPM dan institut pendidikan guru akan meneruskan pembelajaran dalam talian sepenuhnya dan melakukan ulang kaji kendiri sehingga 31 Disember 2020.

Katanya, ujian Malaysian University English Test untuk pelajar matrikulasi yang dijadualkan pada 8 hingga 19 Disember ditangguh ke tahun hadapan.

Tumpu usaha tangani wabak

Batal peruntukan Jasa RM85.5 juta

SHAH ALAM- Datuk Seri Anwar Ibrahim mendorong kerajaan persekutuan supaya membatalkan peruntukan RM85.5 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa).

Ketua pembangkang menegaskan tumpuan perlu diberi kepada usaha menangani Covid-19 dan kebajikan rakyat berikutan situasi ekonomi mencabar ketika ini.

"Saya cadang kepada Menteri Kewangan untuk segera batalkan peruntukan kepada jabatan atau kumpulan politik. Zaman susah namun kerajaan pilih buat kerja zalim," kata bekas menteri kewangan di Dewan Rakyat pada 9 November.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng turut meminta peruntukan Jasa ditarik balik jika kerajaan ikhlas mahu melaksanakan Belanjawan Perpaduan.

"Dalam demokrasi biasa, tidak ada tempat untuk agensi propaganda yang menggunakan dana awam untuk menyebarkan pembohongan dan berita palsu," katanya.

Naib Presiden Amanah Datuk Seri Salahuddin Ayub pula menyifatkan jumlah peruntukan sebesar itu hanya menguntungkan kelompok tertentu khususnya lantikan politik tetapi ia tidak membantu usaha memerangi wabak Covid-19.



Anwar membahaskan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat pada 9 November

"Maka mereka tidak perlu peruntukan sebanyak itu (lebih RM80 juta). Ketika kita menghadapi wabak Covid-19, ramai lagi petugas di barisan hadapan atau 'front-liners' yang harus diberikan lebih perhatian," katanya.

Pada era pemerintahan Barisan Nasional (BN), peruntukan RM20 juta disediakan untuk Jasa.

Jasa kemudian dimansuh apabila Pa-

katan Harapan mengambil alih Putrajaya. Namun, peruntukannya kali ini naik empat kali ganda berbanding era BN.

Jasa dilihat sebagai unit propaganda politik parti pemerintah untuk menyerang pembangkang. Fungsinya bertindih dengan agensi sedia ada termasuk Jabatan Penerangan, RTM, Bernama dan Unit Komunikasi Korporat pelbagai kementerian.

Dr M: Belanjawan tidak pulih ekonomi

SHAH ALAM - Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Belanjawan 2021 tidak memulihkan ekonomi negara, malah kerajaan persekutuan mungkin terpaksa berhutang pada masa depan.

"Saya rasa kerajaan perlu meminjam untuk laksanakan belanjawan. Ini boleh meningkatkan hutang kerajaan kepada RM1.3 trilion, satu jumlah yang besar dan

jika gagal bayar, kita mungkin muflis," katanya dalam blog pada 9 November.

Pengerusi penaja Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) mengakui kerajaan perlu berbelanja besar dalam suasana ekonomi yang buruk tetapi mereka harus mengambil kira faktor wabak Covid-19 yang mempengaruhi pendapatan kerajaan.

"Walaupun industri sarung tangan ber-

jalan dengan baik tetapi Petronas dan industri pelancongan, dua penyumbang terbesar pendapatan kerajaan, prestasi mereka sangat buruk," katanya.

Kerajaan persekutuan memperuntuk RM322.5 bilion dalam Belanjawan 2021 dan mendapat kritikan pemimpin pembangkang dan sebahagian ahli politik Umno.

Dr Dzulkefly kesal dana kesihatan dipotong



SHAH ALAM - Bekas menteri kesihatan kesal berikutan peruntukan hampir semua perkhidmatan kesihatan mengalami pemotongan besar.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata peruntukan RM31.94 bilion untuk perkhidmatan kesihatan melalui Belanjawan 2021 lebih rendah berbanding 2020 ketika Pakatan Harapan (PAKATAN) memerintah.

Beliau turut membuat perbandingan jumlah sebenar peruntukan Belanjawan 2021 dan 2020 untuk Kementerian Kesihatan Ma-

laysia (KKM).

"Tolak emolument RM1.5 bilion kakitangan kontrak, maka jumlah peruntukan sebenar KKM ialah RM30.4 bilion (Perikatan Nasional) vs RM30.6 bilion (PAKATAN) Kenapa," katanya.

Bagaimanapun, menteri kewangan menolak dakwaan itu sebaliknya menyatakan beberapa perkara diklasifikasi bawah dokumen anggaran perbelanjaan persekutuan.

"Hakikat yang sebenar: tiada bidang kepakaran yang mengalami pengurangan peruntukan," kata Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Kaji semula keluar Akaun 1 KWSP

SHAH ALAM - Kerajaan persekutuan digesa mengkaji semula pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam jumlah yang munasabah.

Ketua pembangkang berkata jumlah RM500 sebulan tidak mencukupi untuk menampung kehidupan individu yang kehilangan kerja susulan penularan Covid-19.

Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berbahas di Dewan Rakyat pada 9 November berkata langkah itu perlu dibuat bagi meringankan beban golongan terjejas sekalipun ia menjaskan simpanan mereka.

"Perdana menteri sebut (pengeluaran KWSP) dibuat kerana ikut desakan rakyat tetapi beliau tidak faham rakyat pilih itu kerana terpaksa."

"Meskipun saya kurang setuju kerana itu simpanan masa depan tetapi sebab terdesak, saya cadangkan jumlahnya ditambah dan diberi kelonggaran atas kegagalan kerajaan membantu rakyat," katanya.

Pada 6 November, kerajaan persekutuan mengumumkan kemudahan pengeluaran KWSP daripada Akaun 1 secara bersasar sebanyak RM500 sebulan dalam tempoh 12 bulan.



Unjuran KDNK 2021 tidak munasabah

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim mempersoal unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pertambahan hasil yang tinggi tahun depan.

Ketua pembangkang berkata anggaran itu tidak selari dengan pertumbuhan rendah yang dibuat Bank Dunia, Dana Kewangan Antarabangsa dan Bank Negara Malaysia.

"Justeru, dari mana angka ini (8.6 hingga 9.6 peratus) diperolehi Kementerian Kewangan? Atas pertimbangan apa?" katanya dalam kenyataan pada 9 November.

Pengerusi Pakatan Harapan berkata tindakan menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Pencen sebanyak RM10 bilion pada tahun ini dan 2021 tidak wajar.

"Kerajaan juga dilaporkan akan menerima hasil cukai sebanyak RM14.046 bilion. Apakah ini melibatkan aset negara atau dijual kepada kroni?

"Apakah ia akan dijalankan secara tender terbuka atau kembali pada amalan lama?" soalnya lagi.



Siswa diberi komputer riba

Sediakan modal mulakan niaga

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Anggerik berusaha menyediakan sebahagian modal untuk peniaga kecil khususnya anak muda bagi memulakan perniagaan.

Memahami kegusaran penduduk yang mahu mencari pendapatan bagi menampung kehidupan susulan dampak Covid-19, Mohd Najwan Halimi menggiatkan lagi inisiatif yang dimulakannya sejak 2018.

Beliau menggunakan pakai peruntukan wakil rakyat untuk menyalur antara 10 hingga 15 peratus modal permulaan kepada peniaga yang permohonan mereka diluluskan.

Umpamanya, peniaga yang mahu membuka gerai burger menerima antara RM300 hingga RM500 jika modal keseluruhan RM3,000. Biarpun jumlah itu bukan dana penuh tetapi sekurang-kurangnya meringankan beban rakyat.

Pemohon terdiri daripada mereka yang tiada pekerjaan dan mencari pendapatan sampingan. Mereka hanya perlu menyediakan kertas kerja bagi membuktikan

komitmen supaya hanya yang benar-benar layak menerimanya.

Selepas dua tahun dijalankan, kesannya dapat dilihat apabila ada antara peniaga muda konsisten dalam perniagaan, malah ada yang mampu menggajikan pekerja.

"Itu kesan saya mahu lihat sebenarnya selain jumlah pendapatan peniaga terbabit, ada nilai tambah kepada komuniti. Bila kita bantu dengan sediakan modal berniaga mereka dapat pula upah pekerja," katanya kepada SelangorKini.

Najwan juga tidak terkecuali berdepan cabaran ketika pandemik Covid-19 sekitar Mac dan masa kini yang menuntutnya mencari pendekatan baharu bagi meringankan beban masyarakat.

Justeru itu, beliau mewujudkan bank makanan dari peruntukan ADN. Bantuan diserahkan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan menengah (M40) kerana semuanya terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memerlukan semua berada di rumah.



"Kita beri makanan asas antaranya beras dan tepung. Sepanjang tiga bulan itu, kira-kira 1,500 penduduk mendapat bantuan. Sekarang kita juga teruskannya kerana masih ada yang terjejas," katanya.

Bantu siswa

Najwan turut melaksanakan inisiatif pemberian komputer riba kepada siswa dari keluarga B40 yang belum memiliki kemudahan

puter riba itu," kata wakil rakyat berusia 35 tahun yang berkhidmat sejak dua tahun lalu.

Najwan juga membekalkan air minuman percuma kepada lapan sekolah menengah kerajaan di Dewan Undangan Negeri Kota Anggerik, menaik taraf kemudahan riadah dan menceriakan persekitaran pangsapuri kos rendah di Seksyen 6, 7, 8, 16 dan U16 selain membaiki jalan raya.

Kini, tumpuannya terarah kepada memperkuuh organisasi berteras komuniti dalam kalangan warga Kota Anggerik dan Shah Alam bagi memantapkan peranan mereka dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan bersama.

"Dari sudut kemudahan, semuanya lengkap di Kota Anggerik, hanya perlu diselenggara sahaja. Perkara menjadi cabaran adalah membina komuniti, jadi saya sering berhubung dengan masyarakat dan galakan mereka mewujudkan persatuan penduduk."

"Apabila ada masalah, mudah untuk diselesaikan kerana ada komuniti bersama-sama memberikan maklumat dan menjaga kebajikan," katanya.

Aktif tangani lambakan pendatang asing

OLEH ALIFF FIKRI

SHAH ALAM - Lambakan warga asing antara isu utama yang dibangkitkan penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratai khususnya di Kampung Tasek Permai, Kampung Tasek Tambahan dan Pandan Mewah.

Justeru, Ahli Dewan Negeri (ADN) Teratai Bryan Lai Wai Choong berazam memastikan masalah itu diselesaikan sebaik mungkin bagi mengelak persaingan ekonomi tidak sihat.

"Ini terjadi akibat kedudukan DUN Teratai adalah kawasan tumpuan perniagaan. Timbul pelbagai isu yang wujud dari kelompok pendatang asing yang akhirnya memberi saingan ekonomi.

"Yang ada dokumen tidak menjadi masalah, namun majoriti mereka tidak ada dokumen langsung," katanya kepada SelangorKini.

Wakil rakyat sejak Mei 2018 berusia 46 tahun berkata pelbagai penguatkuasaan dilakukan de-



ngan kerjasama pihak berkuasa tempatan termasuk sitaan bagi mengurangkan masalah itu.

Bekas ahli Majlis Perbandaran Kajang juga memberi tumpuan untuk menjadikan Teratai sebagai bandar yang bersih dan selesa untuk didiami.

"Itu janji yang saya tekankan ketika berkempen pada 2018 kepada penduduk termasuk mewu-

judkan kawasan atau tempat tinggal yang bersih.

"Semuanya telah saya laksanakan melalui kerjasama yang erat dengan KDEB Waste Management dan pasukan Teratai. Setakat ini, seluruh Teratai bersih kerana sistem pengutipan sampah berjalan dengan baik," katanya.

Selain itu, beliau juga berharap

dalam lima tahun akan datang, Teratai menjadi lokasi pelancongan dan rekreasi utama melalui inisiatif yang dirancang serta digerakkan di Bukit Saga dan Bukit Apek.

Atasi kesesakan, banjir

Bryan juga mengatasi masalah kesesakan melalau di Jalan Bunga Mawar melalui pelaksanaan jalan sehala dan menangani isu banjir kilat di Taman Muda, Tasek Permai, Taman Bukit Teratai dan Kampung Tasik Permai.

Beliau mengakui perubahan pasukan Teratai dari pelbagai kaum dan latar belakang banyak membantu menambah baik hal ehwal pengurusan rakyat.

"Dengan kewujudan pasukan itu, lebih 80 peratus aduan orang ramai dalam tempoh dua tahun dapat diselesaikan," kata setiausaha DAP Selangor.

Beliau juga yakin Selangor dengan kepimpinan prorakyat amalan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari yang disifatkan sebagai pemimpin rajin dan berkesan.

Pada pilihan raya umum 2018, Bryan menang dengan majoriti 29,425 undi dalam pertandingan empat penjuru mengalahkan calon PAS, Barisan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia. Jumlah itu meningkat berbanding 2013 yang hanya memperoleh majoriti 13,646 undi.

Antara bantuan lain:

- Mewujudkan klinik bantuan guaman dan undang-undang di Teratai
- Menarap jalan di Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai
- Menyumbang bantuan barang asas kepada pelajar Orang Asli
- Menyediakan pusat khidmat setempat di AEON Big Lembah Jaya bagi menangani isu bekalan air

H

arus diakui pendigitalan menjadi mauduk utama Belanjawan Selangor 2021. Saya percaya hikmah di sebalik Covid-19 memerlukan kita merombak pemikiran dan daya tindak. Kita harus bersedia menerima norma baharu dalam kehidupan.

Aktiviti ekonomi, sosial dan gaya hidup pasti berubah. Rakyat perlu mendakap pendigitalan sebagai norma baharu.

Mengapa usaha ini tidak dapat dielak? Mari kita teliti sejenak beberapa isu mikro yang dihadapi saat ini: kehilangan kerja ataupun pengangguran meningkat. Syarikat mula menghentikan pengambilan pekerja baharu. Kurangnya penyerap kejutan (shock absorber) untuk membantu rakyat sememangnya menggelisahkan.

Beginilah situasi hidup akibat ancaman Covid-19: suatu realiti baharu yang harus kita hadapi dan gagahi, mahu atau tidak.

Banyak langkah disusun kerajaan persekutuan wajar dipuji seperti pengecilan kadar pinjaman asas (BLR) dan juga insentif pengurangan cukai untuk pembelian kereta bagi menggalakkan rakyat berbelanja tetapi ia tidak berlaku kerana kurangnya keyakinan rakyat dan kerisauan mereka terhadap situasi ekonomi dan kesihatan sedia ada.

Apa pilihan lain yang kita ada dalam keadaan begini? Realiti pandemik yang bersifat maraton harus disusun dengan tindakan segera dan langkah-langkah berpanjangan — suatu perancangan sistemik dan bukan gimik.

Selangor mengambil tanggungjawab dan menjadi negeri barisan hadapan di negara ini menerusi beberapa penyelesaian untuk meningkatkan keyakinan mikro melalui dasar makro dengan mengangkat Agenda Pendigitalan sebagai pemangkin negeri pintar ulung yang kalis Covid-19.

Maka, Kerajaan Negeri memulakan langkah memperkenal program seperti e-dapur dengan menggarap kerjasama syarikat e-panggilan. Peniaga makanan boleh menggunakan khidmat dapur berpusat (central kitchen) dan meneruskan perniagaan manakala pelanggan boleh membeli secara dalam talian. Peniaga memerlukan upaya ini untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Kerajaan Negeri juga memahami usahawan ada masalah kecairan tunai. Justeru, Selangor Advance diperkenal untuk membantu peniaga memperoleh bantuan kecairan tunai supaya mereka boleh terus berniaga. Selain itu, Hijrah juga terus memainkan peranan dengan memberi pinjaman, malah program Niaga Darul Ehsan (NaDi) diperkenal untuk memudahkan rakyat mendapat pinjaman serendah RM1,000 dan mendapat lesen perniagaan pihak berkuasa tempatan.

Membentang peluang

e-Permainan dan e-sukan yang dirangka pula bukan hanya untuk pemain tetapi kita mahu anak-anak muda terlibat dalam penciptaan kandungan (content creator). Industri ini ada potensi kewangan yang sangat besar; kita mahu anak muda



Merombak daya menuju pendigitalan

mengambil peluang yang terbentang luas memandangkan institusi sedia ada sama ada swasta seperti studio animasi mahupun universiti cukup matang dalam industri animasi perfileman.

Teknik pembelajaran juga sudah jauh berbeza. Maka, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk memberi kad sim melalui program Data Internet Selangor yang membolehkan mahasiswa dan anak-anak sekolah belajar dalam talian dan mengakses pembelajaran dalam talian walau di mana mereka berada.

Penting dinyata betapa usaha yang digariskan dalam Belanjawan Selangor 2021 harus dibaca bersama dengan pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa satu hingga tiga. Pakej fasa satu bertujuan membantu mangsa dan petugas yang membendung Covid-19; fasa dua untuk menampang kesan langsung wabak seterusnya fasa tiga memberi tumpuan penyelesaian kitaran ekonomi bagi meningkatkan daya tahan rakyat dalam menempuh kesan Covid-19.

Jumlah keseluruhan pakej fasa satu hingga tiga ialah RM456.15 juta. Untuk Belanjawan Selangor 2021, kita merancang untuk berbelanja RM369 juta semata-mata untuk pendigitalan — suatu jumlah yang besar dan berani!

Selain perbelanjaan Kerajaan Negeri, Belanjawan Selangor 2021 juga disokong peruntukan anak syarikat Kerajaan Negeri berjumlah RM295.5 juta untuk bersama-sama melaksanakan program lain termasuk seperti Program Pendigitalan Urus Tadbir Tenaga Kerja (PRODUTK) dan e-Pembekalan Peruncit Mikro dan Kecil yang akan membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dalam melancarkan

perniagaan mereka dan memberi penyelesaian menang-menang dalam tawaran pasaran bersama-sama pemain besar sedia ada antaranya pasar raya mini 99 Speed Mart dan pasar raya Giant.

Menampang beban

Untuk mereka yang mahu menampang beban kewangan sekali gus memanfaatkan bakat sedia ada, rakyat Selangor boleh bergiat dalam ekonomi tidak formal melalui Selangor Freelancer ataupun meningkatkan kemahiran menerusi Selangor Kerjaya.

Kepada yang tidak begitu biasa dengan dunia digital dan mungkin ada sedikit fobia dengan perkomputeran, kita turut menyediakan Rakan Digital Selangor yang boleh membimbing mereka langkah demi langkah agar mereka tidak ketinggalan dalam pecutan teknologi yang dijuarai Selangor.

Dana Inovasi Selangor pula disediakan bagi memberi galakan yang lebih untuk para pemula (startup) bagi terus membantu menyelesaikan masalah masyarakat melalui kaedah keusahawanan sosial (social enterprise).

Inovasi ternyata begitu penting, lebih-lebih lagi dalam penyampaian perkhidmatan. Kerajaan Negeri sendiri mendapat limpahan manfaat sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan terlaksananya Smartbox Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Sehingga 24 Ogos 2020, ‘Smartbox’ mencatatkan kutipan RM2.8 juta bersamaan lebih 12,000 transaksi, angka yang belum pernah dicapai melalui sistem bayaran di kaunter sebelum ini.

Banyak lagi inovasi yang sedang

diterokai di luar Belanjawan Selangor 2021. Antara yang utama pastinya SELangkah. Portal penjejakan langkah kebanggaan Selangor sangat berjaya semenjak hari-hari awal pandemik bermula mendahului usaha seumpamanya. Marilah kita nantikan penambahbaikan ciri-ciri SELangkah yang bakal merancakkan lagi industri berdasarkan teknologi.

Lain-lain inisiatif pintar termasuk CEPat (Citizen e-Payment) yang memudahkan pembayaran urusan berkaitan kerajaan dan Rantaian E-Bekalan Digital Selangor atau Seldec yang mampu menyelesaikan masalah lambakan sumber, sekali gus menjamin kelangsungan bekalan makanan.

Selain usaha di atas yang dipandu Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), terdapat banyak lagi ‘startup homegrown’ yang berpotensi sebesar Grab dan Airbnb dalam bidang pertanian dan penyelesaian automotif serta logistik bawah seliaan Majlis Teknologi Maklumat dan E-Dagang Selangor (Sitec).

Itu belum lagi dikira geran penyelidikan yang masih aktif menggunakan internet segalanya (IoT), pengkomputeran awan (cloud-based) dan teknologi realiti luasan (Augmented Reality) antara lain untuk program pengesanan awal psoriasis, autisme dan cerebral palsy menggunakan kaedah permainan (gamification). Terdapat juga beberapa pengaplikasian penyelesaian untuk sistem Halal, e-fatwa dalam fikah dan pendigital pembelajaran bersepada (immersive learning) untuk jawi serta bahasa Arab.

Diharap agar rakyat Selangor yang cekal mengambil peluang dan bersama-sama bingkas untuk menyumbang dalam realiti baharu lantaran dampak Covid-19.

Peniaga Pasar Besar Meru, Klang R Ramalingam, 64, mahir memilih rempah-rempah untuk resipi masakan kaum India yang turut digunakan dalam jadah Melayu



▲ Pelanggan Yusri Satar, 24, mencuba kurtanya moden di butik Azammoff di Seksyen 7, Shah Alam. Pakaiannya itu kian popular dalam kalangan anak muda Melayu. Kurta berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu kuratu atau kurtaka



Bauran budaya

Tidak diragui lagi pengaruh kebudayaan dan agama dari India menanam asasnya dalam kehidupan masyarakat Melayu begitu lama.

Ratusan tahun sebelum kehadiran etnik India dalam era penjajahan, tamadun mereka meresap dalam bahasa dan kepercayaan sehingga mewarnai perkahwinan, makanan dan perubatan Melayu.

Sebagiannya mula dilupakan, atau terabai, apabila nilai Islam dan pengaruh moden bertembung secara halus dengan asas-asas lama.

Wartawan Afiz Redzuan bersama jurufoto Fikri Yusof, Asri Sapkie, Hafiz Othman dan Remy Arifin merakam sebahagian pengaruh budaya dua etnik ini pada awal November 2020 menjelang sambutan Hari Deepavali.



Khairul Mahzuz, 32, cef Restoran Briyani & Co di Seksyen 14, Shah Alam menunjukkan set beriani kambing. Tumisan beriani orang Melayu dibuat berasingan dengan nasi manakala orang India mencampurkannya sekali gus



▲ Penyelia kilang Musmulyadi Mansor, 47, mengambil daun semambu, juga dikenali neem, daripada R Kumutha, 41, untuk mengubati anaknya yang mengalami demam campak. Mengikut tradisi orang India, rebusan daun dan bunga tumbuhan itu juga mampu mengubati penyakit kencing manis



▲ Pekerja Yasrree Store M Rajesh, 34, membungkus rempah campur termasuk halba, biji sawi dan jintan. Rempah ini turut digunakan dalam masakan Melayu khususnya untuk menukar kari



▲ Salamiah Ahmed, 41, menunjukkan beberapa buah pinang masih wujud dalam kurung tempahan pelanggan yang menggunakan kain sari di kedai pakalan miliknya Haninakareef Collection di Bandar Baru Bangi, Hulu Langat



▲ Budaya makan daun sirih bersama buah pinang masih wujud dalam kalangan etnik India dan dijual di Yasrree Store, bandar Klang. Beberapa dekad lalu, orang tua Melayu turut menikmati sirih



◀ Tukang emas Sivarantham Pontram, 68, berpengalaman hampir 40 tahun menindik telinga. Bertindik amalan kaum India dan Melayu untuk menggayakan anting-anting sejak remaja



▲ Shalinee Priya Nadesan, 21, melakar corak inai di tangan pelanggan di pusat beli-belah Galaxy Ampang, Ampang. Menurutnya, wanita Melayu cenderung memilih corak geometri dan flora, manakala kaum India meminati corak 'dreamcatcher'



◀ Pekerja kedai pakaian Rajan Veeramuthu, 43, menyusun kain pelekat di sebuah kedai di Little India, Klang. Lelaki Melayu memakai kain pelekat untuk bersolat



Kilang diminta henti operasi sementara

SHAH ALAM - Syarikat pembuat sarung tangan digesa menghentikan sementara operasinya di Meru bagi memastikan pekerja yang dikuarantin mendapat keputusan penuh saringan Covid-19.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Meru berkata langkah berkenaan demi menjaga keselamatan dan kepentingan awam selain mengharapkan pekerja khususnya warga asing tidak keluar ke mana-mana.

"Majlis Keselamatan Negara juga dapat bertindak untuk mengarahkan penutupan operasi syarikat di Meru dengan kadar segera."

"Keselamatan rakyat lebih utama dari keuntungan syarikat," kata Mohd Fakhruzzaki Mohd Mokhtar pada 8 November lalu.

Beliau turut memohon kerjasama syarikat berkenaan untuk memaklumkan perkara itu termasuk jumlah dan lokasi pesakit kerana ia membabitkan kluster Teratai.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N14 RAWANG



■ **Nama:**
Chua Wei Kiat

■ **Tarikh lahir:**
23 Mac 1989

■ **Negeri kelahiran:**
Kuala Lumpur

■ **Pendidikan**
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan Pemasaran (Universiti Abertay Dundee, Scotland)

■ **Aktiviti masa lapang:**
Bersukan

■ **Falsafah hidup:**
Jangan takut gagal sebelum mencuba, kejayaan hanya milik orang yang berani mencuba

■ **Pekerjaan sebelum menjadi ADN:**
Setiausaha politik ahli parlimen Selayang

■ **Alamat pejabat ADN:**
No E11, Jalan Mutiara 2, Rawang Mutiara Business Centre, 48000 Rawang Selangor

■ **Nombor telefon ADN:**
03-6091 2118

■ **E-mel:**
khidmatrawang@gmail.com

■ **Facebook:**
Chua Wei Kiat

Kos ujian virus serendah RM60

Pejabat ADN ber subsidi saringan



OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Gasing memberikan subsidi kepada penduduk setempat menjalani saringan Covid-19 pada harga RM60.

R Rajiv berkata harga berkenaan lebih murah berbanding sekitar RM150 hingga RM180 di klinik swasta lain.

"Kita menggunakan alat ujian yang sama seperti di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Sabah. Ujian ini hanya menerusi janji temu sahaja," katanya pada 6 November lalu.

Penduduk yang ingin melakukan ujian perlu mendaftar dengan menghantar gambar kad pengenalan melalui WhatsApp 016-306 4104.

Lokasi klinik dan butiran janji temu akan dimaklumkan kepada individu yang layak.

Mangsa banjir terima bantuan RM500

SHAH ALAM - Seramai lima individu yang terjejas akibat banjir di Kampung Bangi dan Kampung Sungai Ramal Luar menerima sumbangan RM500 dari Unit Bencana Pejabat Daerah Hulu Langat.

Sumbangan dihulurkan Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Ramal Mazwan Johar di pusat khidmat masyarakatnya pada 9 November.

"Alhamdulillah, pejabat daerah memberikan wang tunai RM2,500 untuk saya sampaikan kepada lima mangsa tersebut," katanya di Facebook.

Penerima yang lain akan dihubungi pejabat daerah untuk hadir mengambil sumbangan tunai masing-masing di sana mengikut jadual yang ditetapkan.

Lebih 400 rumah di 10 kampung di Hulu Langat 'lumpuh' akibat banjir susulan hujan lebat selama hampir lima jam, pada 4 November lalu.

Pada 7 November, seramai 282 mangsa telah menerima bantuan yang disalurkan sukarelawan Team Selangor.



Mazwan (kanan) menyerahkan sumbangan kewangan kepada individu yang terjejas akibat banjir kilat yang melanda 10 kampung di Hulu Langat

Kelab Lions sumbang 100,000 pelitup muka

SUBANG JAYA - Kelab Lions Subang Jaya menyumbang 100,000 pelitup muka untuk kanak-kanak di Sabah susulan penularan Covid-19.

Pengaruhnya Jimmy Yeap berkata pelitup muka tiga lapis untuk usia empat hingga 12 tahun akan diterbangkan minggu hadapan.

"Dengan kerjasama badan bukan kerajaan di sana, sumbangan diserah melalui lawatan ke hospital, sekolah serta perkampungan.

"Kita faham kesukaran mendapatkan pelitup muka terutama di pedalaman, jadi berharap inisiatif ini membantu penduduk



Michelle
meneliti kualiti
pelitup muka
kanak-kanak
yang akan
diagih kepada
penduduk
Sabah pada 7
November

di sana," katanya pada 7 November.

Ahli Dewan Negeri Subang Jaya Michelle Ng turut menghargai usaha kelab berkenaan.

"Sumbangan ini dapat mengurangkan jangkitan dalam kalangan kanak-kanak. Saiz pelitup muka sesuai dapat melindungi mereka," katanya.

**ADN TANJUNG SEPAT****Borhan Aman Shah**

Menyerahkan sumbangan sempena Deepavali kepada penduduk Taman Mutiara, Kuala Langat

**ADN KOTA KEMUNING****Ganabatirau Veraman**

Menghulurkan baucar bagi memeriahkan sambutan Deepavali kepada penduduk Seksyen 32, Shah Alam

**ADN MORIB****Hasnul Baharuddin**

Menyalurkan barang keperluan menjelang perayaan Deepavali kepada penduduk Kampung Tongkah, Banting

**ADN BUKIT MELAWATI****Juwairiya Zulkifli**

Menyumbang barang asas sempena Deepavali di Pusat Khidmat DUN Bukit Melawati, Kuala Selangor

**ADN SUNGAI PELEK****Ronnie Liu**

Menyampaikan bantuan Skim Mesra Usia Emas kepada penerima di Taman Sri Siantan, Sepang

**ADN SABAK****Ahmad Mustain Othman**

Mengagihkan pelitup muka kepada masyarakat di Pekan Bagan Terap, Sabak Bernam



Eksperimental. Avant-garde.

Itu kata-kata orang tentang pementasan teater yang aku tonton tempoh hari.

94 minit. Standard pementasan teater panjang. Jadi apa yang eksperimental. Apa yang avant-gardenya.

Kata seorang pengkritik: Teater ini membangkitkan kepayaan dan kerentenan kehidupan seorang pengkarya. Walaupun ia teater tapi ia terpakai kepada pengkarya-pengkarya bidang lain. Sebuah pementasan memukau, memaku mata dan fikiran penonton dari detik mula hingga detik akhir.

Ya, betul. Kecuali memukau. Memaku mata dan fikiran itu betul. Memang aku dan audiens lain terpaku mata dan fikiran (tetapi ada juga beberapa yang keluar awal) hingga detik akhir dari detik mula.

Kita selalunya menilai sesuatu dengan apa yang dipersembahkan. Tetapi jarang memikirkan hal-hal sebelum dan belakang tabir yang sebenarnya memberikan impak dan kesan besar kepada apa-apa yang terlihat.

Apa yang kami semua nampak hari itu: lima orang pelakon. Berbau biasa. Tiada audio. Pentas dilimpahkan dengan lampu natural dan polos tanpa apa-apa prop. Kami menunggu sesuatu berlaku namun tiada. Atau sebenarnya mereka yang menunggu kami untuk melakukan sesuatu dan menjadikan teater itu interaktif? Tapi kalau keluar awal dari pementasan boleh dianggap berlakunya sesuatu — berdiri, berjalan di antara orang lain, buka pintu dan keluar — mereka tetap tidak bertindak balas. Sebentar, mungkin mereka audiens dan kami aktor? Tulis pengkritik lain: Jangan salah anggap. Ini bukan teater eksperimental atau nonkonvensional seperti dicanang-canang audiens. Sebaliknya ini teater yang berakar dari tradisi lampau. Teater ini jika dibaca skripnya tiada perkara luar norma. Ia teater realisme dengan bauran romantisme dan tragedi — sesuatu yang Aristotelian. Shakespearean dan Elizabethan juga berpadu dengan sedikit cair. Tiada pembaharuan falsafah.

Aku fikir mereka ada menjual skripnya. Tetapi setelah aku tanya, mereka kata skrip tidak disiar demi menjaga keselamatan skrip tersebut. Kemungkinan orang lain memplagiat adalah tinggi. Maka skrip hanya diedar kepada yang terlibat dan orang-orang yang mereka percaya. Pengkritik, misalnya.

Dari period promosi lagi, mereka beritahu jika tidak berpuas hati dengan teater kami, kami akan bayar balik. Tetapi cuma sembilan orang berbuat demikian. Sedangkan teater yang berlangsung lima hari itu sentiasa padat dengan jualan tiket yang laku keras.

Aku antara yang meminta bayaran semula. Aku bertanya kawan-kawanku kenapa mereka tidak meminta dan mereka kata kau tidak faham teater. Mungkin. Ini teater luar pertama kutonton. Teater ditonton waktu sekolah atau universiti aku tidak kira. Kawan-kawanku budak-budak teater juga tetapi bukan dari produksi tersebut. Berbanding mereka, aku cuma penonton biasa.

Wang dimasukkan ke akaun bank setelah tiket yang aku hantar diterima pihak produksi.

Mereka membayar sekali kos pos.

Menurut pengarahnya, mereka solat subuh berjemaah sebelum berjoging lima kilometer sekitar rumah sewa yang jadi tempat latihan untuk meningkatkan kekuatan

Di hari lahirmu

masih tersimpan
sepiring kenangan dari pecahan kata
bertahun aku simpan dalam almari ingat

setiap kali kubuka ia menjadi baju koyak
biarpun telah aku jahit dengan benang pasrah
dari laci takdir

hari ini, di hari lahirmu
akan aku berikan baju itu sebagai hadiah
dengan ucapan - "masihkah kau ingat?"

Shafei al-Samadi

mental dan fizikal supaya pada waktu pementasan, dapat memberikan sepenuh tenaga dan tidak kelihatan lesu dan lemau.

Mereka memang kelihatan segar dan tidak penat. Cuma beberapa kali mengelap peluh dan meregang-regangkan otot. Malah, para audiens pun sama kerana gudang teater ini agak panas. Bukan platform sebaliknya lantai jadi pentas dan seperti kami, mereka duduk bersila. Tiada dialog, tiada pergerakan, tiada aktor berlekar-lekar. Tiada aksi-reaksi. Kami menonton mereka dengan tekun.

Juanna Bakhtiar, penulis skrip ini membawa isu politik negara melalui unsur pornografi dan erotisme manusia yang kebiasaannya menindas kaum perempuan. Setiap pelakon diberikan objek-objek berlainan. Siddiq (lakonan Jamal Jusoh) – kamera, Maya (Sabariah Ali) – buah limau, Amirul (Rahman Taufiq) – buah tembikai, Kris (Ros Abdullah) – fail dan Malik (Aiman Zakaria) - sepucuk pistol. Melalui objek-objek ini, Juanna menuliskan pertautan antara kelima-limanya dan setiap objek mempunyai kisah gelap dan sadis.

Setelah pementasan, sesi dialog dijalankan. Kami tak sedar pementasan habis tapi tiba-tiba pemegang watak utama, Sabariah Ali ketawa dan kata: sebenarnya show dah habis 15 minit tadi. Korang tak perasan ke?

Kemudian seseorang menepuk tangan dan disambut riuh orang lain.

Pada sesi ini, aku tidak bertanya dan memberi maklum balas. Ia rancak. Hampir menyamai durasi pementasannya sendiri. Aku akhirnya ingin mengatakan sesuatu tetapi sesi tiba-tiba tamat dan sesi bergambar pula berlaku. Satu soalan menarik perhatian: waktu latihan macam mana. Korang buat macam ni tak. Pengaruh itu kata tak. Kami berlatih bagi nak gila. Teruk aku kerjakan diorang.

Sebagai pengarah, aku lebih suka apa yang ada dalam skrip disebut pelakon sepatah-sepatah dan aku denda mereka yang tersalah, tertinggal atau sengaja mengubah dialog, keronnya mereka kreatif (dia ketawa di sini). Aku bukan menolak perbuatan mereka tetapi ini pementasan pertama skrip jadi aku ingin menghormati penulis skripnya. Kalau ia kali kedua atau kali kemudian aku tak kisah melakukan improvisasi kata-kata. Kita uji kekuatan sebuah skrip ke tahap maksimum pada pementasan

pertamanya.

Dari situ bukan saja kami, tetapi audiens juga boleh nampak kelebihan dan kekurangan skrip. Waktu latihan sama saja cuma kami membiasakan diri dengan ruang dan keadaan pentas yang agak berbeza dengan rumah sewa yang kamijadikan tempat latihan. Ada susunan prop dan blocking yang telah diubah setelah kami mula masuk ke sini.

Melalui WhatsApp, saya bertanya Kris dan Sabariah apa jadi kepada buah-buahan yang diberikan kepada mereka. Mereka kata produksi telah memakannya beberapa jam sebelum pementasan pertama.

Aku tidak bergambar dengan sesiapa kecuali dengan kawan-kawanku untuk kenang-kenangan. Kemudian kawan-kawanku bergambar dan berbual pula dengan audiens lain.

Rupa-rupanya ramai antara audiens mengenali satu sama lain. Dari percakapan mereka, aku terdengar tentang projek terbaru produksi masing-masing.

Kepada salah seorang kawanku aku tanya siapa kawan kau tadi yang pakai baju belang-belang. Dia kata bukan kawan aku dan tersengih. Habis tu peluk-peluk gelak-gelak berswafoto tadi kenapa. Kitorang memang macam tu dia kata. Berapa orang kawan kau dalam scene ni. Dua orang je kot kata dia.

Aku cuma kata ohh dan diam sepanjang perjalanan.

Di rumah aku ingin memuat naik gambar pementasan dan meletakkan tanda pagar tetapi aku tidak tahu tanda pagarnya. Aku buka Instagram produksi dan melihat gambar mereka yang ditanda orang lain. Banyak juga muat naik dengan kapsyen rindu, lama tak jumpa kawan sekolah ni, #sissupport tetapi tidak kutemui tanda pagar berkaitan pementasan. Jadi aku reka tanda pagar sendiri dengan tajuk teaternya, #SesuatuYangGilaBabi.

Melalui hantaran Facebook, mereka mengatakan teater ini akan berjelajah ke seluruh Malaysia. Jika ada rezeki akan ke pentas antarabangsa. Saya tidak sabar untuk menonton kembali teater hebat ini!

Sembilan hari selepas itu kawanku kedepangkan dokumen PDF skrip teater tersebut ke dalam WhatsApp. Aku cetaknya di Print Expert, Seksyen 2 dan setelah aku keluar dari kedai kertas-kertas itu terbang tersangkut pada paruh lima ekor burung kemudian berlanggaran.

Neulakonan

Oleh Md. Fariq Khir



Pengaruh masyarakat India dalam kehidupan

Resapan tradisi



OLEH NAZLI IBRAHIM & AFIX REDZUAN

SEDAR atau tidak, kehidupan masyarakat Melayu di negara ini banyak berasimilasi dengan budaya lain hingga bersebatи dengan utuh.

Dari adat, fesyen, makanan maupun bahasa, pengaruh masyarakat India banyak menyerap dalam kehidupan harian masyarakat Melayu.

Adat melenggang perut yang masih popular di kampung misalnya banyak persamaan dengan Valaikappu, sebuah amalan penganut Hindu, meskipun ritualnya tidak sepenuhnya sama.

Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia Dr Yusmilayati Yunos berkata tujuannya sama iaitu supaya si ibu selamat melahirkan bayi yang sihat dan membuang nasib tidak baik.

Seperti Valaikappu, upacara melenggang perut turut membabitkan penggunaan beras, siri pinang dan kelapa. Kedua-duanya mengadakan jamuan untuk tetamu.

Ada banyak lagi adat Melayu yang mirip amalan masyarakat India termasuk belah mulut yang juga disebut tahnik dalam ka-

langan masyarakat Melayu.

Berinai dan mandi bunga yang lazim dalam kalangan orang Melayu. Malah, bersanding, tepung tawar mahupun konsep raja sehari dalam perkahwinan dikatakan berasal dari tradisi India.

"Dipercuryai inilah asal usul pasangan pengantin Melayu di gelar raja sehari berikutnya konsep Dewa Rama dan Dewi Sita," katanya merujuk watak raja dan permaisuri yang menduduki takhta (pelamin) Kerajaan Ayuthaya mengikut Ramayana, kitab kepercayaan penganut Hindu sejak ribuan tahun.

Selain itu, banyak masakan masyarakat Melayu menggunakan sebahagian bahan dan resipi orang India. Paling popular, masakan kari, roti canai, tose atau capati dan kuah dal. Maruku juga sering jadi juadah Aidilfitri.

Pakaian tradisional masyarakat India juga semakin popular dalam kalangan wanita Melayu. Kain sari (**foto kecil atas**) yang lazim dipakai orang India dijadikan baju kurung atau kebaya. Ia dipakai baik dalam majlis istimewa atau ke pejabat.

Bagi lelaki Melayu, kurta yang sinonim dengan orang India semakin diterima untuk digayakan pada hari raya dengan sedikit pengubahsuaian selari peredaran fesyen terutama kalangan anak muda.

Amalan perubatan tradisional orang Melayu juga ada pengaruh masyarakat India, misalnya daun semambu (**foto kecil bawah**) atau bambu digunakan bagi mer-

awat demam campak.

Mengikut petua, pengidap demam campak boleh dirawat dengan memandikannya dengan air daun semambu yang dikisar dan dicampur bedak sejuk di seluruh badan. Selain itu, daun semambu juga dijadikan alas tidur pesakit demam campak. Petua sama juga diamalkan masyarakat India.

Selain itu, banyak masukan kata bahasa Melayu berasal daripada bahasa Tamil antaranya 'kakak' berasal perkataan 'akka', kedai (kadai), purba (purva), bumi (bhumi), suria (surya), raja dan tali.

Masyarakat majmuk

Dr Yusmilayati menganggap persamaan itu sedikit sebanyak mewarnakan lagi budaya dan gaya hidup masyarakat Malaysia.

"Tidak salah menerima budaya kaum lain lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia asalkan tidak bertentangan atau disesuaikan dengan kehendak Islam."

"Tidak kira apa kaum sekalipun, mereka menjadi sebahagian daripada kita dan pengaruh yang dibawa memainkan peranan mencorak gaya hidup masyarakat Malaysia hari ini," katanya.

Setiausaha kehormat Malaysia Hindu Sangam Kebangsaan mengakui banyak amalan masyarakat Melayu mempunyai persamaan dengan kaum India tetapi berbeza dari sudut tertentu.

"Kalau kita lihat beberapa perkara yang dilakukan seperti bersanding dalam perkahwinan, amalan memakan siri pinang dan

Keharmonian ini adalah kelebihan masyarakat yang ada di Malaysia.

Walaupun ada perbezaan ia tidak menjelaskan kita untuk saling menghormati adat dan budaya kaum lain

GENESAN THANGAVELU
Setiausaha Kehormat Malaysia
Hindu Sangam Kebangsaan

penggunaan rempah dalam masakan sudah menjadi perkara biasa dalam masyarakat kita di Malaysia.

"Jika kita lihat kandungan amalan turut berbeza sebagai contoh belah mulut bayi yang baru lahir. Bagi masyarakat India, kami gunakan susu dan madu yang diletakkan di lidah bayi tetapi orang Melayu menggunakan kurma," kata Genesan Thangavelu.

Dari sudut kesenian pula, beliau berkata kedua-dua masyarakat mempunyai pelbagai jenis tarian yang memiliki keunikan tersendiri dari segi gerakan dan muzik yang menghidupkan lagi persembahan.

Genesan berkata walaupun terdapat perbezaan yang diamalkan dalam budaya kedua-dua kaum tetapi ia sebenarnya menunjukkan keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

"Keharmonian ini adalah kelebihan masyarakat yang ada di Malaysia. Walaupun ada perbezaan ia tidak menjelaskan kita untuk saling menghormati adat dan budaya kaum lain," katanya.

“
Tidak kira apa kaum sekalipun, mereka menjadi sebahagian daripada kita dan pengaruh yang dibawa memainkan peranan mencorak gaya hidup masyarakat Malaysia hari ini

DR YUSMILAYATI YUNOS
Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan UKM





Tukar penguat kuasa ikut tempoh

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) dicadang menukar anggota penguat kuasa ke jabatan lain dalam tempoh tertentu bagi mengelak salah guna kuasa.

Ahli Dewan Negeri Pelabuhan Klang berkata kebanyakannya mereka didapati bertugas di jabatan sama dalam tempoh lama antara 20 hingga 30 tahun.

"Kita bukan hendak tuduh sesiapa tetapi kita kena belajar daripada kes salah laku sebelum ini."

"Jadi Kerajaan Negeri wajar pertimbangkan langkah untuk pindahkan penguat kuasa ke jabatan lain, mungkin tiga hingga empat tahun sekali," kata Azmizam Zaman Huri pada 9 November.

MPK berazam perangi rasuah

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berazam memerangi rasuah dalam kalangan pegawai dan kakitangannya melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mengikut majlis itu, pertemuan Yang Dipertua, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin bersama Pengarah SPRM Selangor, Dato' Alias Salim pada 4 November lalu merapatkan usaha itu.

Mereka membincangkan pencegahan yang perlu bagi menutup ruang dan peluang berlaku rasuah dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Pertemuan itu turut disertai Setiausaha MPK, Elya Marini Darmin dan Ketua Cawangan SPRM Klang, Rainulsyah Arahni.

Pada 1 Mac 2017, seramai 74 kakitangan termasuk ketua jabatan, kumpulan pengurusan, profesional dan 26 ahli majlis MPK menandatangani Ikrar Bebas Rasuah.

MBSA buka kaunter baharui lesen

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuka kaunter bayaran bagi memudahkan pemilik lesen memperbaharui pelbagai permit tertakluk kepada jenis lesen.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata lokasi membabitkan kaunter utama dan Jabatan Perlesenan Wisma MBSA serta di cawangan Sungai Buloh, Kota Kemuning dan Setia Alam.

"Caj pengaktifan lesen selepas tarikh tersebut dikenakan sebanyak RM50 untuk lesen perniagaan termasuk lesen anjing manakala RM100 untuk perindustrian.

"Pembayaran boleh dilaksanakan secara tunai, cek, draf bank, kad kredit atau kad debit. Pemilik lesen diminta membuat pembaharuan mengikut tarikh ditetapkan bagi mengelakkan kompaun," kata Shahrin Ahmad pada 10 November.

MPAJ periksa 4,603 premis sejak PKP

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjalankan periksa ke atas 4,603 premis antara 18 Mac hingga 5 November lalu.

Yang Dipertua Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata sebanyak 4,048 patuh tatacara operasi piawai (SOP) manakala selebihnya gagal mengikut peraturan.

Beliau berkata semua 388 premis yang gagal mematuhi SOP dikenakan kompaun atau diberi amaran.

"MPAJ juga melaksanakan 950 aktiviti nyahkuman sepanjang tahun ini di kawasan awam," katanya dalam kenyataan pada 5 November.

Sebelum itu, beliau mengunjungi Medan Selera MPAJ di Angsana Hilir dan sekitar Ampang Point bagi memeriksa pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Mohd Fauzi bersama kakitangan barisan hadapan MPAJ turut melakukan proses nyahkuman di laman santai Ampang dan laluan Senario Ampang.

"Saya berpuas hati dengan kaedah kawalan pematuhan SOP yang dijalankan seperti penjarakan sosial dalam premis, penyediaan cecair nyahkuman dan pemeriksaan suhu badan," katanya.



Barisan hadapan MPAJ melakukan operasi nyahkuman di laman santai Ampang dan laluan Senario Ampang pada 5 November

Tampung kos pastikan kawasan bersih

Dana urus sisa pepejal luar bandar

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) luar bandar menerima bantuan kewangan Kerajaan Negeri untuk menguruskan sisa pepejal.

EXCO kerajaan tempatan berkata PBT berstatus majlis daerah dan perbandaran tidak ada hasil mencukupi untuk menanggung kos tersebut pada setiap tahun.

Ng Sze Han berkata Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) pada 2019 menerima bantuan RM1.25 juta, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) RM878,000, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) RM1.34 juta dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) RM1.97 juta.

"Pada tahun ini, MPKL mendapat dana RM1.27 juta, MDKS (RM1.61 juta), MDHS (RM1.46 juta) dan MDSB (RM1.97

juta)," katanya di Dewan Negeri Selangor pada 6 November.

Beliau juga mengingatkan PBT terlibat supaya membuat permohonan dan nilai kontrak pada setiap tahun untuk bantuan kewangan tersebut.

"Kerajaan Negeri berharap bantuan ini akan memastikan kebersihan kawasan luar bandar terutama kampung bagan, kampung baru, kampung tradisi dan kampung tersusun," katanya.

Kes buang sampah haram turun 50 peratus

SHAH ALAM - Kes pembuangan sampah haram negeri ini turun kepada 874 sejak September, kurang separuh berbanding sama tahun lalu.

Sebanyak 1,983 kes dicatat pada tahun lalu manakala 1,532 kes dilapor pada 2018.

EXCO kerajaan tempatan berkata jumlah kes yang dikenakan hukuman oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) juga semakin berkurangan.

"Sebanyak 364 kes dijatuhkan huku-

man tahun ini dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Klang berbanding 1,592 kes tahun lalu manakala kes Majlis Perbandaran Kajang turun kepada 71 berbanding 151 pada 2019.

"Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Daerah Sabak Bernam pula tidak mencatatkan sebarang kes," kata Ng Sze Han ketika sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 November.

Katanya, pejabat daerah dan tanah serta pegawai PBT boleh mengambil

tindakan ke atas pemilik tanah yang terlibat dengan kegiatan itu melalui Notis 7A untuk pemulihan.

Sze Han menjelaskan Notis 7B kemudian akan dikemuka bagi mendapat pengesahan terhadap pemulihan yang dibuat.

"Sekiranya pemilik masih ingkar, tindakan perampasan tanah oleh pentadbir tanah akan dilakukan mengikut Notis 8A, Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965," katanya.

Bukti cemerlang peringkat kebangsaan

Tiga PBT raih markah tertinggi

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar merakam ucapan tahniah kepada tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini yang meraih markah tertinggi bagi Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) seluruh Malaysia.



PBT itu ialah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran

Ampang Jaya (MPAJ).

"Semoga anugerah ini akan menyuntik warga kerja PBT di Selangor untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Sementara itu, EXCO kerajaan tempatan turut berharap lebih banyak PBT berada dalam kelompok sepuh teratas SPB-PBT pada masa hadapan.



Ng Sze Han yakin ada ruang untuk semua 12 PBT menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan bagi meraih pengiktirafan tersebut.

"(Kejayaan) itu jelas menunjukkan bahawa PBT Selangor cemerlang, namun (perkhidmatan) PBT negeri ini tidak terhenti di situ dan akan teruskan untuk mengejar kejayaan yang lebih

cemerlang," katanya.

Majlis Penganugerahan Bintang Perkhidmatan PBT secara maya disempurnakan Menteri Perumanan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaluddin di Putrajaya pada 5 November.



Program itu merupakan julung kali diadakan melibatkan 152 PBT di negara ini bagi mengiktiraf prestasi kerajaan

tempatan yang terbaik berdasarkan penilaian SPB.

MBPJ mengumpul markah 97.60 peratus, MBSA (97.50 peratus) manakala MPAJ (96.85 peratus).

10 PBT mendapat markah tertinggi dengan Majlis Perbandaran Manjung menyandang tempat pertama, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (kedua) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (ketiga).

Sistem pengredan bintang dinilai berdasarkan empat kriteria utama iaitu pengurusan, pengurusan kewangan, pengurusan pelanggan dan perkhidmatan teras.

Waspada gelombang ketiga air pasang besar

SHAH ALAM - Penduduk berhampiran pesisir pantai diminta menghentikan semua aktiviti air berikutan fenomena air pasang besar dijangka berlaku pada 15 dan 16 November.

Pegawai operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) berkata persiapan rapi dibuat bagi berdepan gelombang ketiga yang

boleh mengakibatkan banjir jika hujan lebat.

Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir juga menasihati semua pihak mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) di pusat pemindahan sementara berikutan fenomena kali ini berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

"Jika sebelum ini kira-kira 20

keluarga boleh ditempatkan dalam sebuah dewan, mungkin kita akan kurangkan jumlah itu untuk mewujudkan penjarakan fizikal dan susun suruh khemah," katanya pada 9 November.

Beliau menjelaskan UPBN mengenal pasti beberapa pusat pemindahan jika fenomena berkenaan menjaskan kawasan

berpenduduk di Klang, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Muhammat Izzat Haziq berkata pihaknya meninjau secara beruala beberapa lokasi yang diramal dilanda fenomena tersebut selain menggunakan dron dan membina beberapa benteng tambahan.

Kejadian air pasang besar pada

ketinggian air laut mencecah hingga 5.8 meter, dijangka tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

Tahun ini, ia berlaku pada 19 dan 20 September, 17 hingga 19 Oktober dan 15 hingga 16 November.

Untuk maklumat lanjut, rujuk lokasi pusat pemindahan dan nombor telefon bilik gerakan seperti jadual di bawah.

Pusat Pemindahan dan Bilik Gerakan Daerah Ketika Air Pasang Besar

Sepang

- Maahad Integrasi Tahfiz Selangor
- Bilik Gerakan Pejabat Daerah & Tanah Sepang: **03-8706 4613**

Kuala Langat

- Dewan Orang Ramai Kampung Kelanang
- Dewan Orang Ramai Sri Kundang, Kampung Kundang
- Bilik Gerakan Pejabat Daerah & Tanah Kuala Langat: **03-3182 2565**

Klang

- Dewan Serbaguna Kampung Sungai Serdang
- Sekolah Rendah Agama Kampung Batu 4 Jalan Kapar
- Dewan Kompleks Sukan Pandamaran
- Dewan Serbaguna MPK Pelabuhan Klang
- Bilik Gerakan Pejabat Daerah & Tanah Klang: **03-3371 6700**

Kuala Selangor

- Institut Pengurusan Peladang Tanjung Karang
- Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Pasir Penambang
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjong
- Sekolah Kebangsaan Pasangan

- Sekolah Kebangsaan Assam Jawa
- Balai JKJK Kampung Pasir Tuntong
- Dewan Orang Ramai Jeram
- Balai JKJK Kampung Sungai Sembilang
- Dewan Orang Ramai Sungai Buloh
- Sekolah Kebangsaan Tambak Jawa
- Bilik Gerakan Pejabat Daerah & Tanah Kuala Selangor: **03-3289 7632** atau Angkatan Pertahanan Awam Malaysia: **03-3289 6225**

Sabak Bernam

- Dewan Sri Sekinchan
- Dewan Seri Bernam

■ Pusat pemindahan banjir

- Dewan Parit Baru
- Dewan Seri Nakhoda, Bagan Nakhoda Omar
- Bilik Gerakan Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam: **03-3224 7058** atau Angkatan Pertahanan Awam Malaysia: **03-3224 1794**

Nota: Orang ramai juga boleh menghubungi Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor di talian **03-5544 7324** dan **03-5521 2440** untuk maklumat lanjut

■ Bilik gerakan

Tarikh, masa dan paras air laut tinggi

Tarikh/Hari	Waktu	Ketinggian (meter)
15 November (Ahad)	5.44 pagi	5.6 meter
16 November (Isnin)	6.25 pagi	5.6 meter



Agih RM24 juta untuk sekolah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tetap menyatakan bantuan kepada sekolah berjumlah RM24 juta walaupun sesi pembelajaran tidak berjalan sepenuhnya pada tahun ini.

Dato' Menteri Besar berkata bantuan diberikan kepada sekolah agama rakyat, sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil serta sekolah persendirian Cina berdasarkan permohonan pihak sekolah.

"Agihan dibuat mengikut keperluan sekolah sama ada untuk naik taraf infrastruktur atau keperluan lain, jadi kita harap bantuan diberikan diharap dapat membantu pihak sekolah menyelesaikan isu berbangkit."

"Peruntukan ini masih berbaki antara RM200,000 hingga RM300,000 dan kita akan lihat mungkin ada sekolah lagi yang memerlukan bantuan," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika sesi perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Negeri Selangor pada 10 November.

Beliau berkata program penyerahan bantuan sepatutnya diadakan pada Mac dan April tetapi terpaksa ditunda beberapa kali susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Lahirkan mahasiswa berintegriti

SHAH ALAM - Yayasan Selangor mahu menyediakan program pendidikan berteras pembangunan berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berintegriti.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata pihaknya akan bekerjasama dengan beberapa institusi, agensi awam dan swasta bagi merancakkan lagi pendidikan selaras norma baharu.

Eddie Ahmad Khodzali berkata mereka juga mementingkan nilai integriti pelajar supaya mereka bukan sahaja berkemahiran tinggi tetapi memiliki sifat terpuji.

"Pelajar tajaan Yayasan Selangor peringkat institut pengajian tinggi pula akan diajar kemahiran tambah nilai menerusi program usahasama dan peningkatan kemahiran..." katanya dalam kenyataan sempena sambutan ke-50 Yayasan Selangor pada 5 November lalu.

Pas bulanan tren untuk pelajar, OKU

SHAH ALAM - Kerajaan memperkenal pas perjalanan bulanan tanpa had berharga RM5 untuk pelajar tahun satu hingga tingkatan enam termasuk orang kelainan upaya.

Menteri kewangan berkata pas itu digunakan bagi perkhidmatan tren komuter Lembah Klang, komuter utara, tren antara bandar Kuala Lipis dan Tumpat dan tren Sabah di jajaran Beaufort-Tenom.

"Jika tambang sekarang secara puratanya ialah RM5 sehari, maka bermula tahun hadapan, tambangnya hanyalah RM5 sebulan," kata Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentang Belanjawan Persekutuan 2021 pada 6 November.

Empat kursus ditawarkan

Elaun sara diri RM1,000 sebulan

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Permohonan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) dibuka sehingga 19 November depan.

Justeru, orang awam terutama bekerja di agensi atau industri di negeri ini digalakkan membuat permohonan.

"Empat kursus ditawar iaitu juruterbang atau pembantu juruterbang dron, penganalisis data, juruteknik dan jurutera penyelenggaraan serta baik pulih."

"Yuran latihan ditaja Kerajaan Selangor selain menerima sijil pengiktirafan. Peserta turut diberi elauan sara diri RM1,000 sebulan selain jaminan kerja dalam industri," menurut iklan pada 7 November.

Antara syarat kelayakan, pemohon perlu memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dengan lulus lima mata pelajaran teras termasuk bahasa Melayu.

Pemohon atau ibu bapa mesti warganegara dan lahir atau menetap di negeri ini atau bermastautin lebih 11 tahun di negeri ini.

Pemohon perlu lulus temu duga kendalian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Borang permohonan boleh diperoleh di laman web <https://www.selangor.gov.my> dan <https://www.selangor.gov.my/?mid=515>

Pertanyaan boleh dibuat menerusi WhatsApp 017-265 5850. Pertanyaan lanjut hubungi talian 03-8408 2200. Pengenalan diri boleh e-mel kepada ikitisass@aerodyne.co



STDC fokus kursus kemahiran IR4.0

SHAH ALAM - Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) berusaha mewujudkan kursus profesional berteras kemahiran dan teknologi selaras Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Ketua Eksekutifnya Mohd Asyraf Amin berkata usaha yang bermula tahun depan itu sebagai mendukung agenda ke arah mencapai status negeri pintar menjelang 2025.

"Kita akan perkenal kursus elektrik yang berkait rapat dengan bangunan pintar berlandaskan kepada internet

untuk segalanya (IoT).

"Kursus ini diadakan dalam jangka pendek dan bidang Sijil Kemahiran Malaysia bagi memenuhi keperluan industri masa kini," katanya pada 4 November.

Beliau berkata pihaknya juga akan membangunkan kemahiran teknologi dron dengan melahirkan lebih ramai pakar pengendali dan penganalisis data bagi sesuatu projek.

Mohd Asyraf menjelaskan kebanyakannya industri besar menggunakan alat itu dalam operasi mereka termasuk

minyak dan gas, perlombongan, pelabuhan, pencawang elektrik serta pertanian.

Katanya, STDC juga membangunkan teknologi pertanian masa depan dengan melancarkan program agrimor, sebuah jurnal ilmiah yang memuat artikel agro perniagaan, selain menjadi hab pertanian dalam bidang dron.

"Usaha ini akan membantu petani mengendalikan dron dalam penyembur racun dan baja selaras kaedah pertanian moden," katanya.

MB jangka hutang Unisel selesai tahun depan

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) dijangka melangsangkan semua hutangnya pada Jun tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM83 juta pinjaman diberi kepada insitusi pengajian itu bagi memulihkan kedudukan kewangannya.

"Pinjaman disalur tiga kali bermu-

la 2007 sebanyak RM36.7 juta, 2014 (RM3.1 juta) dan 2017 (RM44 juta) untuk membayar pelbagai tanggungan hutang lain.

"Selain itu, geran langsung turut diberi dan kita yakin proses pemuliharan ini berjaya mengikut perancangan," katanya ketika sesi penggulungan sidang Dewan Negeri Selangor pada 5 Novem-

ber.

Amirudin berkata Unisel juga bakal memiliki aset lebih 1,000 ekar tanah di Bestari Jaya dan Dengkil sebaik sahaja bebas hutang.

"Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan institut pendidikan di bawahnya, malah kita ada tabung pinjaman kepada anak syarikat," katanya.

Jais saran munajat hadapi wabak

SHAH ALAM - Umat Islam diminta bermuhasabah dengan meningkatkan amal soleh dan memohon bantuan Allah SWT dalam mendepani wabak Covid-19.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Mohd Shahzihan Ahmad berkata bacaan surah Yasin, doa qunut nazilah, zikir munajat dan doa menolak bala digalakkan selepas solat Isyak.

Beliau berkata siaran langsung bacaan doa dan zikir munajat juga dibuat melalui Facebook Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah setiap Isnin dan Khamis.

"Ia bagi membolehkan umat Islam melakukannya di rumah masing-masing bersama keluarga," katanya pada 8 November.

Teks zikir munajat dan doa boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.jais.gov.my atau e-masjid.jais.gov.my

"Semoga dengan usaha ini akan membolehkan aktiviti masjid dan surau negeri ini dapat dijalankan seperti biasa," katanya.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor disambung selama empat minggu bermula 9 November hingga 6 Disember susulan peningkatan kes Covid-19.



Ketetapan lama diguna pakai

SOP solat Jumaat, fardu di masjid kekal

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengekalkan tatacara operasi piawai (SOP) bagi solat fardu Jumaat dan solat lima waktu di masjid dan surau seluruh negeri.

Pengarhnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata arahan itu termasuk pelaksanaan upacara akad nikah susulan lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Beliau berkata ketetapan lama diteruskan berikutan keimbangan terhadap situasi semasa pandemik Covid-19 ketika ini.

"Tiada perubahan SOP (akad nikah, solat Jumaat dan solat lima waktu) memandangkan keadaan (Covid-19) tidak bertambah baik."

"Oleh itu, kita mengguna pakai SOP terakhir yang dikeluarkan," katanya pada 8 November.

Mohd Shahzihan juga sedia menim-

bang kemungkinan untuk memperketat SOP sedia ada jika ada keperluan berbuat demikian tetapi bukan dalam tempoh terdekat.

Sebelum ini, Jais tidak membenarkan solat Jumaat di masjid dan surau di daerah yang dikategori zon kuning serta merah.

Hanya enam orang sahaja dari klangan pegawai dan ahli jawatankuasa dibenarkan mendirikan solat fardu lima waktu di masjid dan surau.

Petugas agama terima bantuan RM500

SHAH ALAM - Kerajaan persekutuan mengumumkan pemberian bantuan sekali bayar sebanyak RM500 kepada 70,000 petugas agama.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zainul Tengku Abdul Aziz berkata mereka ialah imam, bilal, siak, noja, merbut, guru takmir dan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Beliau berkata kerajaan juga menaikkan kadar eluan 4,000 guru takmir daripada RM800 kepada RM900 sebulan.

Selain itu, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) akan memperkenalkan perkhidmatan wakaf kepada semua pemegang unit amanahnya.



PKPB: 3,197 pasangan dibenar nikah

SHAH ALAM - Seramai 3,197 pasangan mendapat kebenaran nikah daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) antara 14 Oktober hingga 3 November.

Pengarhnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata kebenaran tertinggi ialah Petaling iaitu 917, Hulu Langat (708), Gombak (530), Klang (414) dan Hulu Selangor (182).

Beliau berkata Sepang pula seramai 171 pasangan, Kuala Langat (155), Kuala Selangor (84) dan Sabak Bernam (36). "Kita jangka jumlahnya terus meningkat. Dalam tempoh sama, seramai 1,750 pasangan bernikah di Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) masing-masing," katanya pada 6 November.

Bermula 2 November, Jais membenarkan upacara akad nikah di pejabat agama seluruh negeri dengan menetapkan beberapa syarat.

Syarat tersebut ialah:

- Pemohon lelaki dan perempuan mendapat kebenaran berkahwin mengikut Seksyen 17 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dari Paid
- Hanya tiga orang dibenarkan hadir iaitu pengantin lelaki dan perempuan serta wali
- Hanya lima upacara akad nikah dibenar dalam satu hari, dari Isnin hingga Jumaat (hari bekerja)
- Kebenaran diberi kepada pasangan dalam Selangor atau pihak lelaki atau perempuan dari luar Selangor dengan tanggungjawab mendapat kebenaran rentas daerah atau negeri
- Waktu akad nikah antara 9 pagi hingga 4 petang



Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:38	5:48	6:56	1:00	4:22	6:58	8:10
13 Jumaat	5:38	5:48	6:56	1:00	4:22	6:58	8:11
14 Sabtu	5:38	5:48	6:57	1:00	4:22	6:58	8:11
15 Ahad	5:39	5:49	6:57	1:01	4:22	6:59	8:11
16 Isnin	5:39	5:49	6:57	1:01	4:23	6:59	8:11
17 Selasa	5:39	5:49	6:57	1:01	4:23	6:59	8:12
18 Rabu	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	6:59	8:12

Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:41	5:51	6:58	1:03	4:24	7:00	8:12
13 Jumaat	5:41	5:51	6:58	1:03	4:25	7:00	8:13
14 Sabtu	5:41	5:51	6:59	1:03	4:25	7:00	8:13
15 Ahad	5:42	5:52	6:59	1:03	4:25	7:00	8:13
16 Isnin	5:42	5:52	6:59	1:04	4:25	7:01	8:13
17 Selasa	5:42	5:52	6:59	1:04	4:26	7:01	8:13
18 Rabu	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14

Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:38	5:48	6:57	1:01	4:22	6:59	8:11
13 Jumaat	5:38	5:48	6:57	1:01	4:23	6:59	8:12
14 Sabtu	5:38	5:48	6:57	1:01	4:23	6:59	8:12
15 Ahad	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	7:00	8:12
16 Isnin	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	7:00	8:12
17 Selasa	5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13
18 Rabu	5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13



Lebih 400 sertai kaunseling percuma

SHAH ALAM - Seramai 402 individu menggunakan perkhidmatan percuma Pusat Kaunseling Selangor, kata EXCO kesihatan awam.

Dr Siti Mariah Mahmud ketika sesi penggulungan sidang Dewan Negeri Selangor 4 November lalu berkata pusat yang menyediakan 30 kaunselor bertauliahan boleh dilakukan secara bersemuka atau panggilan telefon.

"Kita jangka bilangan individu berdepan tekanan hidup atau kesihatan mental terus meningkat susulan penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan."

"Menyedari kepentingan kesihatan mental, Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM500,000 bagi mengadakan program berkaitan," katanya sambil menambah wanita paling ramai menggunakan perkhidmatan itu.

Dr Siti Mariah berkata Kerajaan Negeri bersama Persatuan Sokongan dan Keseitaran Penyakit Mental turut menganjur program psikologi Awak OK? secara berkumpulan membabitkan 22 episod menerusi media sosial.

Mengikut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 2001, kira-kira 450 juta penduduk dunia mengalami penyakit mental dengan nisbah satu daripada empat individu berisiko.

Sedia 275 tong RORO sempena Deepavali

SHAH ALAM - Sejumlah 275 tong 'Roll On Roll Off' (RORO) disediakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi memudahkan orang ramai membuang sampah pukal sempena sambutan Deepavali.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata tong sampah mudah alih berkenaan diletakkan berperingkat di sekitar Shah Alam iaitu di Seksyen 1 hingga 36 dan Seksyen U1 hingga U20 secara percuma bermula 2 hingga 22 November hadapan.

"Tujuan pelaksanaan perkhidmatan tong ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada penduduk melaksanakan aktiviti gotong royong secara persendirian di setiap kediaman masing-masing."

"Selain itu, penyediaannya juga bertujuan memberikan didikan kepada warga Shah Alam tentang pengurusan sampah pukal dengan cara yang betul," kata Shahrin Ahmad pada 10 November.

Sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan itu boleh hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBSA di talian 03-5510 5133 sambungan 1316.

Kes naik mendadak sejak PKP

224 wanita diganasikan, 30 suami dipukul

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Sebanyak 254 kes keganasan rumah tangga berlaku antara Januari hingga September mengikut statistik Unit Perundungan dan Pengukuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor.

EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata seramai 224 mangsa adalah wanita manakala 30 lagi lelaki.

Beliau berkata kejadian sedemikian termasuk kes anak pukul ibu atau isteri pukul suami, berikutan salah seorang dalam sesebuah keluarga memiliki sifat dominan.

"Antara bentuk keganasan ialah ada antara mereka ditumbuk, malah ada juga dipukul dengan tali pinggang," katanya dalam Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita 2020 pada 9 November.

Wakil rakyat dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) mengangkat plakat 'Hentikan Keganasan, Hormat Wanita' sebagai simbolik sokongan kempen tersebut.

Turut serta, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Speaker DNS Ng Suee Lim. Mereka turut memakai pelitup



muka oren, warna tema kempen.

Ia anjuran Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga sempena sambutan 16 Hari Aktivisme Melawan Keganasan Berasaskan Gender sepanjang 25 November hingga 10 Disember.

Dr Siti Mariah menjelaskan kes naik mendadak sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga PKP Bersyarat (PKPB) berdasarkan data Or-

ganisasi Pertolongan Wanita (WAO).

"Sebanyak 4,872 panggilan diterima menerusi panggilan dan WhatsApp WAO dan talian 'Think I Need Aid'" katanya sambil menambah kebanyakan mangsa membuat laporan polis atau mengadu kepada JKM.

Justeru, beliau juga berharap seluruh rakyat negeri ini turut menyokong kempen itu supaya kes keganasan rumah tangga dapat dikurangkan.

Team Selangor agih lampin pakai buang



Sumayyah (dua, kanan) menyerahkan lampin pakai buang bayi kepada penerima di DUN Taman Medan pada 4 November

SHAH ALAM - Sukarelawan Team Selangor mengedar lampin pakai buang kanak-kanak kepada 33 penerima sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan.

Pegawai program komuniti berkata agihan tiga hari bermula 3 November mendapat kerjasama Yayasan Bank Makanan Malaysia dengan fokus kepada kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Diharap sumbangan ini meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan lampin pakai buang kepada anak me mandangkan ramai menghadapi kesusahan akibat Covid-19," kata Sumayyah Aminodin.

Pada 4 November, Team Selangor mengedar lampin pakai buang di Medan Cahaya dan Pangaspuri Medan Jaya Blok F se mentara di Desa Mentari Blok 9 & 10, Flat PKNS dan PJS 2C pada 3 November.

Tengku Permaisuri ganti motor gadis penghantar makanan

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor berkenan menghulurkan sumbangan motosikal kepada wanita penghantar makanan yang ditimpa musibah.

Sumbangan peribadi Tengku Permaisuri Norashikin diserahkan kepada Nur Athirah Abdul Latiff, 23, selepas motosikalnya dicuri ketika bekerja di Batu Caves pada 4 November lalu.

"Baginda berasa amat sedih dan terharu apabila membaca berita yang tular mengenai nasib malang Nur Athirah.

"Baginda berharap melalui sumbangan ini, Nur Athirah dapat kembali meneruskan kerja harian dengan sempurna seterusnya membantu keluarga," titah baginda dalam Facebook Selangor Royal Office pada 6 November.

Sumbangan itu disampaikan oleh juru ring polis kepada DYMM Tengku Permaisuri Selangor Inspektor Noor Hidayu Aziz.

Tengku Permaisuri Norashikin turut berharap masyarakat lebih peka dan bersifat kemanusiaan serta bertimbang rasa antara satu sama lain.

Yide agih keperluan harian

Mangsa kebakaran, banjir dibantu



OLEH ALIFF FIKRI

SHAH ALAM - Lima keluarga yang tinggal sehelai sepinggang berikutan rumah mereka hangus di Kampung Delek Kanan di sini pada 4 November menerima bantuan.

Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) memaklumkan bantuan diberi dalam bentuk barang keperluan harian bagi meringankan beban semua mangsa.

Mengikut yayasan berkenaan, kebakaran tersebut turut mengorbankan lima nyawa berikutan mereka tidak sempat

menyelamatkan diri.

"Semua mangsa yang terselamat kini mendiami rumah saudara-mara berhampiran untuk perlindungan," kata agensi tersebut pada 6 November.

Pada hari sama, Yide turut menyampaikan sumbangan kepada 180 rumah yang terjejas akibat banjir kilat di Dengkil.

Mangsa diberi kit bantuan tuala, kain pelikat, baju untuk kegunaan harian, selamat, alat pembersihan dan penjagaan diri.

Orang ramai boleh berkongsi maklumat jika berlaku musibah dengan menghubungi Yide di talian 017 - 756 9476.

Bantuan kebajikan OKU ditambah tahun depan

SHAH ALAM - Kadar bantuan kebajikan untuk 400,000 orang kelainan upaya (OKU) dinaikkan tahun hadapan, kata menteri kewangan.

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentang Belanjawan Persekutuan 2021 pada 6 November berkata keseluruhan peruntukan bernilai RM2.2 bilion. Berikut perincian bantuan:

- Bantuan OKU tidak berupaya bekerja

naik daripada RM250 kepada RM300

- Bantuan warga emas, penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar naik daripada RM350 kepada RM500
- Elaun pekerja OKU naik daripada RM400 kepada RM450
- Bantuan kanak-kanak keluarga miskin

naik daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga berumur tujuh hingga 18 tahun atau RM200 seorang anak berumur enam tahun ke bawah kepada RM150 dengan maksimum RM1,000 sekeluarga

- Had pelepasan cukai bagi pasangan OKU dinaikkan daripada RM3,500 kepada RM5,000

Hulur RM20,000 naik taraf kantin sekolah

SUBANGJAYA-Hampir RM20,000 diperuntuk bagi menaik taraf kantin Sekolah Kebangsaan Sri Subang Jaya di sini demi keselesaan warganya.

Wakil rakyatnya, Michelle Ng berkata bantuan itu membolehkan bilik stor diubah suai menjadi ruang makan untuk kegunaan lebih 30 guru.

"Sebelum ini guru berkongsi ruang rehat bersama pelajar dan mungkin mendatangkan rasa kurang selesa kerana perlu berhimpit.

"Melalui bantuan ini, bilik stor diubah suai selain tingkap, lampu, kipas serta warna dinding ditukar baharu. Ruang lebih luas dan memudahkan urusan guru," katanya pada 7 November.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah berkenaan, Helmi Izzudin Hashim turut menyatakan penghargaan terhadap bantuan tersebut.

"Sumbangan ini pasti memberi keselesaan kepada pelajar dan guru. Pelajar lebih selesa dengan ruang rehat yang luas," katanya.

Barangan cukup, elak pembelian panik

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor memberi jaminan barangan keperluan asas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mencukupi.

Pengarahnya Muhamad Zikril Azan Abdulla turut menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembelian panik dan berbelanja secara berhemah.

"KPDNHEP Selangor akan memastikan peniaga tidak memanipulasi harga barang hingga membebankan pengguna.

"Operasi dan pantauan di sembilan daerah negeri ini akan diteruskan dari semasa ke semasa membabitkan 277 anggota bagi memastikan peniaga patuh," katanya pada 8 November.

Beliau berkata sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan mulai Mac hingga 7 November pihaknya menerima 6,526 aduan termasuk 2,061 berkaitan harga barang.



SUKMA batal susulan ketidaktentuan wabak

MSN negeri susun semula latihan atlet

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor akan mengkaji semula program latihan atlet susulan pembatalan Sukan Malaysia (SUKMA) Johor tahun depan.

Pengarah Eksekutifnya Mohamad Nizam Marjugi berkata langkah itu bagi memudahkan atlet membuat persiapan untuk berdepan saingan kejohanan akan datang.

"Kita menerima seadanya keputusan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membatalkan SUKMA dan Para SUKMA dengan mengambil kira situasi semasa pandemik Covid-19 yang semakin membingangkan.

"Justeru, MSN Selangor akan kaji semula program sukan lebih-lebih lagi Johor diberi hak penganjuran bagi edisi 2022 cuma kita tidak tahu tarikh sebenar termasuk had umur yang belum diputuskan," katanya pada 9 November.

Terdahulu, KBS memutuskan temasya dwitahunan itu dibatalkan selepas menerima cadangan daripada Sekretariat SUKMA Johor dan kerajaan negeri susulan ketidaktentuan penularan Covid-19.

Bagaimanapun, Johor diberi tawaran untuk edisi 2022 kerana negeri itu sudah hampir 99 peratus bersedia daripada aspek perancangan, pengurusan, teknikal



Atlet berbasikal Selangor giat menjalani latihan di Taman Seri Pekan Kapar, Klang pada 4 Julai

dan kemudahan pertandingan.

Berhubung isu kerugian susulan pembatalan tersebut, Mohamad Nizam berkata pihaknya tidak mengalami masalah meskipun sudah menghantar atlet berbasikal menjalani latihan di trek velodrom nasional di Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, semua atlet diarah pulang selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kali kedua dikuat kuasa pada 28 Oktober bagi mengurangkan kos penginapan.

"Trek dicaj mengikut apa yang mereka (atlet) guna dan tempat penginapan berdasarkan bilangan hari atlet menebat tetapi kita minta mereka balik kerana PKPB dijangka berterusan serta diperlucas ke negeri lain.

"Kalau latihan harian, kita memang guna velodrom sebab paling hampir, malah peruntukan latihan sudah tersedia, cuma tambahan kos lebih kepada penyediaan pelitup muka dan cecair pembasmi kuman," katanya lagi.

Rayuan teruskan saingan Piala Malaysia ditolak

SHAH ALAM - Majlis Keselamatan Negara (MKN) menolak rayuan Liga Bolasepak Malaysia (MFL) supaya saingan TM Piala Malaysia 2020 diteruskan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan.

Menteri kanan (keselamatan) berkata keputusan itu dibuat selepas mendengar penjelasan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan dapati bahawa bahaya jangkitan Covid-19 bukan sahaja berlaku di tengah padang.

"Kesannya kita fikir agak besar jadi atas tanggungjawab kerajaan untuk menjaga kesihatan rakyat, mesyuarat membuat keputusan untuk tidak membenarkan pertandingan ini diteruskan dan ditangguhkan.



"Saya difahamkan banyak lagi kejohanan yang dibatalkan contohnya bola keranjang dan Sukan Malaysia (SUKMA). Semua pertandingan dibatalkan, jadi kita perlu konsisten dalam membuat keputusan," kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 11 November.

Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Ab Ghani Hassan pada 10 November mengumukan rayuan selepas mesyuarat khas

Ahli Lembaga Pengarah MFL dan disokong lapan pasukan yang layak ke suku akhir.

Beliau menjelaskan pihaknya menyediakan perancangan meneruskan kejohanan serta membuat permohonan menggunakan stadium di negeri berkecuali PKPB iaitu Perlis, Pahang dan Kelantan.

Ab Ghani berkata penangguhan akan memberikan kesan kepada industri bola sepak negara secara keseluruhan termasuk kontrak pemain bersama pasukan yang bakal berakhir hujung bulan ini.

TM Piala Malaysia 2020 membuka tirai pada 6, 7 dan 8 November lalu dengan lapan pasukan layak ke suku akhir iaitu Selangor, Johor Darul Ta'zim, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, UiTM FC, Kedah, Perak dan Terengganu FC.

**Intisari & inisiatif
Belanjawan Selangor 2021**

Maklumat lanjut, layari

www.amirudinshari.com



Hari Sukan Negara dibatalkan

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membatalkan sambutan Hari Sukan Negara 2020 bagi mengelakkan risiko penyebaran Covid-19.

Keputusan berkenaan selaras kenyataan media Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican pada 2 Oktober lalu.

"Keputusan untuk membatalkan Sambutan Hari Sukan Negara 2020 merupakan langkah berjaga-jaga KBS untuk mengelakkan risiko penyebaran Covid-19 dalam kalangan masyarakat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak," maklum KBS pada 8 November lalu.

Bagaimanapun, KBS mengingatkan semua penggiat sukan untuk kekal sihat dan aktif serta sentiasa menjaga diri dengan mengamalkan tatacara operasi pialawai ditetapkan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, KBS dan peraturan pihak berkuasa tempatan.

Program bola sepak guna bajet RMK-11

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan program persediaan atlet, khususnya Program Podium dan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFPD), akan diteruskan bawah belanja pembangunan sedia ada, sambungan dari Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Datuk Ahmad Shapawi Ismail menjelaskan bahawa program persediaan atlet senior, khususnya Program Podium dan NFPD di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang tidak terjejas.

"Kita juga telah kemukakan beberapa program pembangunan sukan pilihan yang lain seperti badminton, olahraga, golf, akuitik dan beberapa sukan teras yang lain, untuk menyediakan barisan atlet pembangunan dan pelapis yang lebih berdaya saing.

"Perbincangan lanjut akan kami bincangkan dengan Menteri Belia dan Sukan (Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican) bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan program-program pembangunan atlet tersebut," katanya pada 6 November.

Belanjawan 2021 memperuntukkan RM55 juta untuk program pembangunan sukan hoki, ragbi, badminton, berbasikal, pembangunan atlet wanita, termasuk RM15 juta kepada pembangunan e-sukan.

Namun, timbul persoalan apabila pembangunan bola sepak atau NFPD tidak disebut bersama sukan berkenaan. -BERNAMA